

PERKUKUH PENGAJARAN, PEMBELAJARAN BERLANDASKAN AJARAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan beramah mesra bersama graduan yang diraikan di Majlis Konvokesyen Ke-15 KUPU SB di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



TUNGKU LINK, Khamis, 16 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) sebagai sebuah institusi perguruan ugama di negara ini, memainkan peranan amat penting dalam melahirkan modal guru.

Namun perlu diingat pencapaian bukan diukur melalui akademik semata-mata tetapi juga melalui keupayaan guru-guru dalam membentuk akhlak yang mulia bagi pelajar dengan ilmu-ilmu Islam berlandaskan aliran Ahli Sunnah Waljamaah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor KUPU SB bertitah menekankan perkara tersebut semasa Majlis Konvokesyen Ke-15 KUPU SB yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mengambil maklum dan

■ Oleh : Haniza Abdul Latif

menyambut baik usaha KUPU SB dalam memperkemas Pelan Strategiknya 2025-2029 yang antara lain memberi penekanan kepada kecemerlangan akademik, penguasaan kemahiran dan pembentukan akhlak mulia melalui pengemaskinian struktur program dan pengisian kurikulum yang lebih relevan, yang sejajar dengan keperluan semasa.

>> Muka 2

Meningkatkan keterhubungan tenaga serantau, pertumbuhan ekonomi mampan

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Jumaat, 17 Oktober. - Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN Ke-43 (AMEM) dan Mesyuarat-mesyuarat Yang Berkaitan Dengannya telah diadakan dengan menegaskan semula komitmen untuk memperkukuh lagi kerjasama tenaga serantau ASEAN, menepati cabaran bersama, serta mempercepatkan peralihan rantau berkenaan ke arah masa depan

tenaga yang lebih selamat, mampan dan bersepadu.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat berkenaan telah diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) and Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Yang Berhormat, selaku Menteri Yang

Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Tenaga, turut disertai oleh Setiausaha Tetap (Tenaga), di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib, sebagai Ketua Pegawai Tenaga Kanan bagi NBD; serta pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga di JPM.

■ Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 9

Kerjasama sepadu tangani pengangguran, tingkatkan kecekapan tenaga kerja

■ Oleh : Marlinawaty Hussin

JERUDONG, Khamis, 16 Oktober. - Usaha menangani pengangguran dan meningkatkan kecekapan tenaga kerja tidak boleh dipikul oleh kerajaan sahaja tetapi memerlukan penyertaan aktif daripada semua pihak, termasuk syarikat, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat,

keluarga dan individu.

Dalam masa yang sama, pelbagai cabaran seperti ketidakpadanan kemahiran, kestabilan pekerjaan serta kebergantungan terhadap sektor tertentu turut dihadapi dalam merealisasikan usaha tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan perkara itu semasa menyampaikan ucapan perasmian selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Acara Kemuncak Jelajah Kerjaya 2025, anjuran Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), JPM di Dewan 1 dan 2 BRIDEX, di sini.

>> Muka 10



Berita Utama



66 pelajar Sekolah Ugama JIS terima sijil SSSRU

Muka 11



PROMOSI keunikan cita rasa masakan Malaysia

Muka 15



JERAYAWARA barigakan matlamat, objektif Tabung Dana Masjid

Muka 18



RENCANA

MENITI Tekanan, Mencapai Harapan : Realiti mental remaja

Muka 27

Perkukuh pengajaran, pembelajaran berlandaskan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah

>> Muka 1

Seiring dengan perkembangan teknologi melalui Kecerdasan Buatan (AI), titah baginda, KUPU SB juga sebagaimana institusi pengajian tinggi yang lain perlu bijak memanfaatkan peluang ini untuk mempertingkatkan penguasaan teknologi supaya para mahasiswa dan tenaga akademik tidak ketinggalan dalam saingan arus perdana.

"Beta melihat teknologi berpotensi untuk dijadikan platform yang berkesan dalam memperkukuh kaedah pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan usaha berterusan pihak kerajaan menyebarkan ajaran ugama Islam berlandaskan aliran Ahli Sunnah Waljamaah," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, baginda mengingatkan bahawa penggunaan teknologi perlu dilakukan secara berhemah supaya tidak menjejaskan nilai, adab serta etika kemanusiaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

Titah baginda, ia bukan sebagai pengganti peranan guru dalam pendidikan, sesungguhnya sentuhan keramat seorang guru dalam proses pendidikan adalah tetap penting, relevan dan tidak mungkin ditukar ganti.

Selain daripada kejayaan pendidikan Islam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah, menyeru agar KUPU SB terus menjadi benteng kepada pelbagai aliran pemikiran tentang Islam, yang ada di antaranya, bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Kerana itu baginda bertitah, mengingatkan KUPU SB dan seluruh warganya mesti memahami perkara ini dengan bersedia untuk menangkis segala serangan pemikiran atau ideologi baharu yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar.

Terdahulu itu, Kebawah DYMM bertitah, dengan sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan

yang akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada hari ini sebagai tanda kejayaan mereka dalam pengajian di KUPU SB.

Kebawah DYMM dalam titah juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada para ibu bapa, penjaga dan pensyarah yang telah menyumbangkan sokongan kepada para graduan sehingga mereka beroleh kejayaan.

"Akhirnya, beta ingin mengambil peluang merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Ahli Majlis KUPU SB, barisan pentadbiran dan pengurusan KUPU SB, di bawah pimpinan Ra'es, para pensyarah dan seluruh warga KUPU SB. Tidak lupa juga kepada ibu bapa dan penjaga graduan yang turut sama-sama hadir memeriahkan dan meraikan kejayaan anak-anak mereka dalam Majlis Konvokesyen Ke-15 ini," jelas Kebawah DYMM semasa mengakhiri titah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan mengurniakan titah semasa Majlis Konvokesyen Ke-15 KUPU SB yang berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.



WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIH	HARI	RABIULAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	SABTU	26	4.37	4.47	6.05	6.28	12.07	3.24	6.06	7.15
19	AHAD	27	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
20	ISNIN	28	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
21	SELASA	29	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
22	RABU	30	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
23	KHAMIS	1 JAMADILAWAL	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
24	JUMAAT	2	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU		AHAD		ISNIN	
Bandar Seri Begawan	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 18 OKTOBER 2025

Penjagaan kesihatan kunci kehidupan berkualiti, produktif

DALAM meniti arus kehidupan moden yang pantas dan penuh cabaran, adalah penting untuk kita sentiasa menjaga kesihatan fizikal dan mental dan tidak menganggap penjagaan kesihatan itu perkara ringan. Ramai dalam kalangan kita hanya ingat atau mengahai keadaan sihat itu setelah tubuh diserang penyakit. Pepatah "cegah sebelum parah" bukan sekadar kata-kata, malah ia adalah prinsip utama dalam menjalani kehidupan yang berkualiti dan produktif. Justeru, persiapkan diri dan penjagaan kesihatan yang proaktif adalah pelaburan terbaik untuk masa depan kita.

Langkah pertama yang perlu diutamakan ialah pemakanan seimbang. Badan yang sihat bermula dari perut. Amalkan pengambilan makanan yang kaya dengan nutrien seperti buah-buahan, sayur-sayuran, protein tanpa lemak, dan bijirin penuh. Hadkan pengambilan makanan yang diproses, tinggi gula, dan lemak tepu. Tubuh ibarat sebuah kenderaan; ia memerlukan bahan bakar yang terbaik untuk berfungsi pada tahap optimum. Meminum air kosong yang secukupnya juga adalah amalan mudah yang sering diabaikan, sedangkan ia penting untuk sistem penghadaman, peredaran darah, dan suhu badan.

Selain tu, aktiviti fizikal yang konsisten adalah kunci kepada kecergasan. Kita tidak semestinya perlu menjadi ahli gim atau atlet elit. Cukup sekadar dengan berjalan pantas, berjoging, berenang, atau menunggang basikal selama 30 minit setiap hari. Senaman yang rutin bukan sahaja menguatkan jantung dan tulang, malah ia dapat mengurangkan stres, meningkatkan kesejahteraan emosi dan mental, dan mengekalkan berat badan yang sihat. Gabungan senaman dan pemakanan sihat akan membina sistem pertahanan badan yang kukuh untuk melawan jangkitan penyakit.

Aspek lain yang tidak kurang pentingnya ialah pengurusan stres dan tidur yang berkualiti. Stres yang berpanjangan boleh melemahkan sistem imun dan menjadi pemangkin kepada pelbagai penyakit kronik seperti darah tinggi dan kencing manis. Carilah kaedah untuk mengurus stres seperti berehat secukupnya, melakukan hobi, atau bermeditasi. Pastikan juga anda mendapat tidur yang cukup, iaitu antara tujuh hingga lapan jam setiap malam. Tidur adalah masa untuk tubuh dan minda berehat, membaiki sel-sel yang rosak, dan mengembalikan tenaga.

Akhir sekali, lakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala. Pemeriksaan ini bukannya menunggu sehingga ada tanda-tanda penyakit, tetapi untuk mengesan sebarang potensi masalah pada peringkat awal. Ia adalah langkah bijak untuk mencegah sesuatu keadaan daripada menjadi lebih serius. Kesimpulannya, menjaga kesihatan adalah satu tanggungjawab berterusan. Dengan mengamalkan gaya hidup sihat hari ini, kita sebenarnya sedang membina perisai untuk melindungi diri daripada ancaman penyakit pada masa hadapan. Ingatlah, mencegah itu sememangnya lebih baik dan lebih murah daripada mengubati. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAJLIS KONVOKESYEN KUPU SB KE-15 RAI 225 GRADUAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd.
Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15, Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (atas dan kiri). Manakala gambar bawah kiri, bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada seramai 225 graduan bagi Program Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama, Sarjana Perguruan Ugama, Sarjana Muda Perguruan Ugama, Diploma Lanjutan dan Diploma pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15, Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis Konvokesyen KUPU SB yang berlangsung pagi tadi di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan diteruskan dengan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul

Nasir bin Haji Abdul Rani dan Pemangku Pendaftar KUPU SB, Awang Adi Rani Soffian bin Abdul Rahman.

Perarakan keberangkatan Canselor KUPU SB didahului dengan pengusungan Mushaf Al-Quran yang dibawa masuk ke dalam dewan oleh Penulis Mushaf KUPU SB, Awang Mohd. Adi Yusnira bin Haji Johari.

>> Muka 4

TUNGKU LINK, Khamis, 16 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan (atas, atas kanan, bawah dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada para penerima (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

>> Muka 3

Sejurus itu, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan beramai-ramai. Majlis kemudian diteruskan dengan alunan bacaan ayat-ayat

suci Al-Quran, Surah Al-Hujurat, ayat 4 hingga 7 beramai-ramai oleh para graduan Konvokesyen KUPU SB Ke-15.

Inti sari ayat dibacakan oleh graduan Program Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab), graduan Program

Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), Awang Abdul Wafi bin Haji Abdul Rahman manakala bacaan hadis pula disampaikan oleh graduan Program Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab), Awang

Mohammad Hadi Shahril bin Haji Mesli.

Majlis Konvokesyen KUPU SB diteruskan lagi dengan sembah alu-aluan oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir. Pada majlis berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

>> Muka 5



TERPANCAR keceriaan pada wajah graduan setelah menerima ijazah masing-masing (atas kanan dan kanan).

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan yang diadakan di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (kiri dan atas).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah kepada seramai 225 graduan mengikut bidang

masing-masing iaitu seorang graduan dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama dalam bidang Pendidikan Islam dan 21 graduan menerima Ijazah Sarjana Perguruan Ugama dalam bidang

Bahasa Arab, bidang Kajian Ahli Sunnah Waljama'ah, bidang Pendidikan Islam, bidang Sejarah dan Tamadun Islam, bidang Syariah dan juga bidang Usuluddin.

Seterusnya, seorang graduan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah (Bahasa Arab); 14 graduan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah manakala 30 graduan

dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah (Pendidikan Islam).

Selain itu, empat graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab) manakala 72 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dengan minor tertentu iaitu Minor Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Seni Al-Quran, Bimbingan dan

Kaunseling, Dakwah dan Kepimpinan, Fiqh Ahli Sunnah Waljama'ah, Fiqh Ahwal Syakhshiah, Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam, Keusahawanan dalam Pendidikan Islam, Kewangan Islam, Pendidikan Awal Kanak-kanak, Pendidikan Keluarga Islam, Pendidikan Khas dan Pendidikan Melayu Islam Beraja.

>> Muka 6



SEKITAR Majlis Konvokesyen tersebut (bawah dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia seterusnya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan (atas kiri), manakala gambar atas dan kiri, sekitar keberangkatan Kebawah DYMM pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15.



>> Muka 5

Manakala lima graduan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab) dan 77 graduan dianugerahkan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam). Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM seterusnya dijunjung bagi penandatanganan Lembaran Kenangan dan seterusnya menyaksikan Pameran Mini.

Sebagai satu-satunya kolej universiti yang menawarkan program-program latihan dalam bidang Perguruan Ugama di Negara Brunei Darussalam, KUPU SB bertanggungjawab melahirkan pendidik dan pemimpin yang bertakwa, berwibawa, berakhlak mulia, berdaya saing, berpengetahuan, berfikiran



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual mesra bersama para graduan yang diraikan (kiri dan kanan).

terbuka, berkemahiran tinggi dan *marketable*.

Perkara ini seiring dengan visi KUPU SB untuk menjadi institusi perguruan ugama yang unggul dalam melahirkan modal insan

holistik yang memenuhi keperluan negara.

Dalam usaha untuk membangun generasi yang bukan sahaja siap siaga masa depan dan berkemahiran tinggi, tetapi juga



memiliki sikap dan nilai yang meneguhkan identiti kebruneian dengan pandangan global, KUPU SB akan terus komited dalam membangun dan menyediakan pendidikan berkualiti yang

saksama dan inklusif di semua peringkat, termasuk akses kepada pembelajaran sepanjang hayat, berpandukan Ahli Sunnah Waljamaah dan falsafah Melayu Islam Beraja.

INISIATIF MEMANTAPKAN PENGHASILAN PENYELIDIKAN BERKUALITI, BERIMPAK TINGGI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin

Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin,

Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Khamis, 16 Oktober. - Bermula pada Sesi Akademik 2026 / 2027, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) akan menawarkan lapan program baharu di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah yang memfokuskan kepada tiga bidang warisan intelektual dan budaya Melayu Islam iaitu Pengajian Jawi, Kitab Turath dan Kaligrafi Islam.

Penyusunan struktur program dan pengisian kurikulum kursus telah pun siap sempurna dilaksanakan dan telah disahkan oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), Negara Brunei Darussalam sebagai sebanding dengan kelulusan pada Tahap 7 dan 8 mengikut Kerangka Kelayakan Brunei Darussalam Qualifications Framework (BDQF) yang melayakkan pemegang sijil diterima sebagai guru bertauliah dalam bidang yang diikuti.

Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani menggariskan demikian dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15 yang berlangsung di Dewan

Canselor Universiti Brunei Darussalam, pagi tadi.

Ra'es KUPU SB seterusnya menyebarkan sebagai inisiatif menyokong para pelajar di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan berimpak tinggi, KUPU SB melalui Pusat Pengajian Siswazah secara berterusan mengadakan Siri Bimbingan (Coaching Series) yang memberi panduan dan tunjuk ajar kepada para pelajar dalam memperkukuh kemahiran penyelidikan mereka.

"Inisiatif ini telah membuahkan hasil, selain daripada berkat ketekunan dan bimbingan penyelia, seorang calon program Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), KUPU SB telah menempa nama di arena antarabangsa apabila menduduki tempat pertama bagi Kategori Best Paper : Manuskrip, Khazanah Melayu Borneo dan Sejarah Islam Borneo Issue dalam International Student Paper Competition on Islamic Studies and Social Sciences, anjuran Institut Agama Islam Negeri Pontianak, Indonesia yang disertai oleh lebih daripada 100

orang pelajar dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia yang dibentangkan secara maya pada 24 September 2025 yang lalu," sembah Ra'es KUPU SB.

Sembahnya lagi, sebagai dorongan kepada para pelajar di peringkat pengajian siswazah agar menyiapkan pengajian mereka dengan cemerlang dan dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka bermula pada Majlis Konvokesyen tahun ini, KUPU SB telah memperkenalkan Anugerah Pengiktirafan Graduat Tepat Waktu (Graduate on Time).

Anugerah ini, tambahnya, diberikan kepada para pelajar program Sarjana dan Doktor Falsafah yang berjaya menyempurnakan tugas akademik mereka dalam tempoh pengajian yang ditetapkan sebagai tanda penghargaan atas disiplin dan kesungguhan mereka dalam menepati jadual pengajian.

Selain itu, sembahnya lagi, Anugerah Penyelidikan Cemerlang bagi Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah secara penyelidikan juga turut diperkenalkan pada tahun ini sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada para pelajar yang berjaya menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi, berimpak besar

serta memberi sumbangan bermakna kepada pengembangan ilmu.

Dalam sembah alu-aluan, Ra'es KUPU SB turut mengongsikan bahawa hasil penyelidikan cemerlang tersebut seterusnya akan diterbitkan dalam bentuk buku agar dapat dikongsi dan dimanfaatkan sebagai rujukan ilmiah dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan memperkaya khazanah ilmu.

"Usaha memantapkan kemahiran pelajar dan program pengajian di peringkat prasiswazah juga tidak diabaikan. Sehubungan itu, Pusat Bahasa KUPU SB telah memperkenalkan dua Kursus Elektif baharu iaitu bahasa Isyarat dan bahasa Turkiye. Pada masa ini, kedua-dua kursus tersebut ditawarkan sebagai Kursus Elektif Pilihan dan sambutan pelajar adalah sangat memberangsangkan dan di luar jangkaan.

"Melihat kepada kepentingan kursus-kursus ini yang dapat memberi nilai tambah dalam meningkatkan daya saing graduan di pasaran kerja, bahkan memperluaskan jaringan komunikasi antarabangsa, bermula pada Sesi Akademik 2026 / 2027, ia akan dikembangkan menjadi Kursus Elektif Wajib di samping turut

diperkenalkan Kursus Bahasa Urdu," sembah Profesor Madya Dr. Abdul Nasir.

Bagi memastikan semua kursus yang ditawarkan sentiasa relevan sembahnya, mulai Sesi Akademik 2025 / 2026 yang lalu, KUPU SB telah beralih sepenuhnya daripada Kaedah Pengajaran Berorientasikan Guru (Teacher Oriented Education) kepada pendekatan pendidikan abad ke-21 iaitu Pembelajaran Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education) yang lebih menekankan pencapaian kemahiran, pengetahuan dan nilai insaniah dalam diri para pelajar.



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) semasa sembah alu-aluannya.

Memperkasa pendidikan Islam ke arah kesejahteraan ummah

TUNGKU LINK, Khamis, 16 Oktober. - Bagi meningkatkan tahap profesionalisme kecemerlangan akademik dan memperluas jaringan keilmuan di peringkat serantau dan antarabangsa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) terus memberikan sokongan dan dorongan kepada para tenaga akademik untuk terlibat secara aktif dalam penyelidikan, penulisan ilmiah serta pembentangan kertas kerja di pelbagai seminar dan persidangan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani seterusnya mengongsikan dalam sembah alu-aluannya bahawa seorang tenaga akademik dari Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah telah menerima Anugerah Best Research Paper bagi Kategori Islamic Innovation dan seorang dari Fakulti Usuluddin telah mendapat Anugerah Best Presenter dalam The 4th International Conference on Islamic Thoughts

(PEMIKIR) 2025 yang dianjurkan oleh Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia pada 23 - 25 September 2025.

"Selain itu, tenaga akademik KUPU SB juga kini bergiat aktif turun padang terlibat dengan pelbagai khidmat konsultasi dan khidmat masyarakat dalam pelbagai cabang ilmu Islam. Keaktifan ini mencerminkan kepentingan KUPU SB sebagai sebuah Hub of Knowledge atau Pusat Ilmu yang menjadi nara sumber utama dalam memperkasa pengetahuan dan pendidikan Islam demi kemajuan masyarakat dan kesejahteraan ummah," sembahnya pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15 yang berlangsung pagi tadi di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.

Sembahnya lagi, pembentukan jati diri dan sahsiah pelajar juga sangat dititikberatkan pada program-program kerohanian seperti Aktiviti Kerohanian Antara Maghrib dan Isyak, Aktiviti Kerohanian Selepas Sembahyang Subuh,

Aktiviti Kerohanian Membaca Al-Quran dan Program Kepimpinan MIB giat dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Sementara itu, tambahnya, Pusat Ilmu Teras pula telah memperkenalkan Program Tahsin Al-Quran, iaitu sebuah program yang menjadi platform bimbingan berterusan bagi para pelajar yang dikenal pasti kurang mahir dalam pembacaan Al-Quran, agar dapat meningkatkan keupayaan mereka membaca Al-Quran dengan baik dan betul dan menjadi tanggungjawab generasi 'Negara Zikir'.

Dalam usaha menjamin mutu perkhidmatan serta menggalakkan proses pengurusan yang lebih teratur dan berkesan terangnya, bermula pada tahun ini penyediaan Manual Prosedur Kerja (MPK) sedang giat dilaksanakan.

Sembah Ra'es KUPU SB lagi, manual ini akan dijadikan sebagai rujukan utama dan ditekankan untuk dilaksanakan dalam sistem pengurusan akademik dan pentadbiran di KUPU SB bagi

memastikan kecekapan, ketelusan, dan keseragaman dalam pelaksanaan tugas.

"Pada tahun ini juga, Anugerah Cemerlang Pengurusan Universiti telah turut diperkenalkan sebagai satu bentuk pengiktirafan terhadap kecemerlangan Fakulti, Pusat, Bahagian, atau Unit di KUPU SB yang menunjukkan prestasi cemerlang dari pelbagai aspek.

"Anugerah ini bertujuan memupuk budaya amalan terbaik, mendorong kreativiti dan inovasi, memupuk semangat kerja berpasukan, serta memperkukuh usaha peningkatan berterusan dalam semua aspek pengurusan universiti.

"Secara keseluruhan, semua usaha dan inisiatif yang telah dilakukan adalah sejajar dengan visi, misi dan objektif KUPU SB dan berdasarkan amalan terbaik serta garis panduan yang biasa digunakan dalam sistem pendidikan tinggi. Dengan peningkatan yang berterusan, semoga KUPU SB akan mencapai statusnya menjadi sebuah universiti penuh pada suatu hari

nanti," sembahnya lagi.

Terdahulu, beliau mewakili seluruh warga KUPU SB, menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bercemar duli ke Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-15 dan seterusnya berkenan untuk mengurniakan titah serta menganugerahkan ijazah dan diploma kepada para graduan.

"Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini adalah satu kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala dan amat dinanti-nantikan sebagai penyuntik semangat dan inspirasi kepada seluruh warga KUPU SB, khususnya para graduan yang akan menerima ijazah dan diploma mereka," sembah Profesor Madya Dr. Abdul Nasir.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Romeo Saturnino Brawner Jr. (atas kiri). Menyertai Tuan Yang Terutama ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio (atas kanan dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Romeo Saturnino Brawner Jr.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Menyertai Tuan Yang Terutama ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina menikmati hubungan dua hala yang rapat dan kian lama terjalin, yang diperkukuhkan lagi melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman dalam Kerjasama Pertahanan pada 22 Ogos 2001 serta menerusi kerjasama pertahanan yang berterusan di pelbagai platform pelbagai hala.

Berkenan menerima mengadap

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri kepada Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Puan Melody Valeros (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran

Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri

kepada Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Puan Melody Valeros. Majlis

Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

MAJLIS ASPIRASI KECEMERLANGAN AKADEMIK RAIKAN GRADUAN KUPU SB



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan anugerah dan hadiah akademik serta sijil kepada para penerima, penaja dan penyumbang.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Oktober. - Sempena Majlis Konvokesyen ke-15, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) malam tadi mengadakan Majlis Aspirasi Kecemerlangan Akademik (MAKA) bertempat di Tarindak D'Seni, Jalan Residency, di sini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang

Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan anugerah dan hadiah akademik kepada penerima serta sijil kepada para penaja dan penyumbang.

Pada majlis tersebut, KUPU SB mengorak langkah mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, melalui penandatanganan

Memorandum Persefahaman (MoU) dengan lapan buah agensi dan institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Penandatanganan MoU tersebut termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Universiti Brunei Darussalam; Mitsubishi Corporation; Universitas Hasyim Asy'ari Tebuireng Jombang, Republik Indonesia; Universitas Negeri Surabaya, Republik Indonesia; Universitas Mulawarman, Samarinda, Republik Indonesia; Universiti

Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia; dan Kolej Poly-Tech MARA, Malaysia.

Menandatangani perjanjian bagi pihak KUPU SB ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, dengan disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Penandatanganan ini merupakan salah satu bentuk respons bagi meningkatkan lagi kerjasama dan perkongsian pengalaman serta amalan terbaik di antara KUPU SB dengan

pelbagai agensi dan institusi pengajian tinggi di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Bidang kerjasama tersebut meliputi pertukaran pelajar dan kakitangan, pertukaran penerbitan, program kerjasama penyelidikan juga pengajaran dan kerjasama dalam mana-mana bidang-bidang yang memberikan manfaat kepada dua-dua belah pihak.

Majlis malam itu juga menyaksikan penerimaan sumbangan Waqaf Tarbiyah daripada graduan Konvokesyen Ke-15 KUPU SB. Waqaf Tarbiyah daripada para graduan ini secara tidak langsung merupakan satu manifestasi dan simbol penghargaan para graduan kepada KUPU SB amnya dan para staf akademik KUPU SB khasnya atas sumbangan khidmat yang diberikan semasa pengajian mereka.

Turut hadir di majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; para jemputan-jemputan khas, Ahli-ahli Majlis KUPU SB, pegawai - pegawai eksekutif, pegawai - pegawai utama, penyarah, pegawai dan kakitangan KUPU SB di samping para penerima anugerah dan hadiah akademik yang diraikan.

Belajar kemahiran baharu, perluaskan rangkaian



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

JERUDONG, Khamis, 16 Oktober. - Dunia kerja hari ini penuh dengan ketidakpastian di mana teknologi berkembang pesat, pasaran kerja berubah secara drastik, pandemik, globalisasi yang turut memberikan impak dan kesan terutama kepada para graduan yang baru hendak memasuki dunia pekerjaan, perlu lebih tahan uji (*resilient*) supaya tidak mudah terjejas apabila berdepan kegagalan atau perubahan.

Program Jelajah Kerjaya 2025 yang berlangsung di Dewan 2 BRIDEX di sini mengetengahkan forum kongsi sama mengenai

cabaran, peluang serta ketahanan dan pertumbuhan kerjaya yang dihadapi oleh kalangan para pencari kerja dan golongan belia masa kini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan beberapa pandangan serta pendapat berdasarkan pengalaman beliau merentasi dunia kerjaya bermula dari peringkat pengajian sehinggalah kepada jawatan beliau pada masa ini dalam satu forum berkenaan 'Talk Turning Challenges into

Opportunities: Resilience & Career Growth' (Menukar Cabaran Menjadi Peluang: Ketahanan Diri & Pertumbuhan Kerjaya) yang dimoderatkan oleh Jenny Malai Ali.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan merumuskan situasi atau halangan dalam perjalanan kerjaya boleh datang daripada pelbagai faktor luaran seperti perubahan ekonomi, teknologi, pandemik, persaingan, atau daripada faktor dalaman seperti kurang keyakinan, pengalaman, dan kemahiran.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat juga menganjurkan agar para pencari kerja mengambil kesempatan atau peluang yang

ada daripada perubahan dan cabaran tersebut untuk belajar kemahiran baharu, memperluas rangkaian, mengambil inisiatif baharu, atau menukar hala tuju kerjaya.

Di samping itu, keupayaan untuk bangkit, menyesuaikan diri dan kekal positif walaupun mengalami kegagalan, tekanan atau situasi sukar juga perlu diambil kira dalam memacu perkembangan individu dalam sesuatu bidang kerjaya dari aspek kemahiran, pengalaman, kedudukan, kepuasan kerja, dan matlamat kerjaya jangka panjang.

Yang Berhormat turut mengingatkan sebarang cabaran yang dihadapi boleh menjadi peluang untuk berinovasi, belajar

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengongsikan beberapa pandangan serta pendapat dalam forum berkenaan.

kemahiran baharu, memperluas jaringan dan memperbaharui strategi kerjaya, selain pentingnya *positive mindset* dalam melihat cabaran sebagai peluang dan bukan halangan.

Bersikap adaptif, fleksibel dalam menghadapi perubahan dan berani mengambil risiko untuk keluar dari zon selesa juga perlu dipertimbangkan, jelas Yang Berhormat, dengan menetapkan matlamat kecil sebagai langkah untuk ke hadapan dan keupayaan menguasai beberapa kemahiran tertentu agar kekal relevan dengan industri semasa, mampu bekerja dalam berpasukan, berintegriti dan sentiasa belajar dan berusaha untuk memperbaiki diri.

Kesimpulannya, melalui forum tersebut para peserta yang hadir dapat memanfaatkan maklumat dalam mengenal pasti peluang-peluang yang mungkin sebelumnya tidak disedari, lebih mudah menangani tekanan dan ketidakpastian dalam kerjaya, meningkatkan keyakinan diri serta mempunyai visi yang lebih jelas tentang bagaimana ingin membina pertumbuhan kerjaya jangka panjang.

Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri menganjurkan Jelajah Kerjaya 2025 yang dibukakan kepada orang ramai, khususnya para pencari kerja sehingga Ahad, 19 Oktober 2025 bertempat di Dewan 1 & 2 BRIDEX, Jerudong.

MENINGKATKAN KETERHUBUNGAN TENAGA SERANTAU, PERTUMBUHAN EKONOMI MAMPAN

>> Muka 1

Mesyuarat selama dua hari bermula dari 16 hingga 17 Oktober 2025 dan telah berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Malaysia, di bawah Pengerusi ASEAN, Malaysia bagi tahun 2025, dengan tema 'Powering ASEAN: Bridging Boundaries, Building Prosperity'.

Tema berkenaan melengkap tema utama Pengerusi ASEAN, iaitu 'Inklusiviti dan Kelestarian', dan menekankan usaha memperkukuh ASEAN Power Grid (APG) bagi meningkatkan keterhubungan tenaga serantau dan pertumbuhan ekonomi mampan.

Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim telah merasmikan majlis perasmian bersama AMEM Ke-43 dan Mesyuarat Berkaitan, serta Forum Perniagaan Tenaga ASEAN (AEBF) Ke-25.

Mesyuarat berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam kerjasama tenaga ASEAN dengan penandatanganan 'Enhanced Memorandum of Understanding on the ASEAN Power Grid (APG) dan ASEAN Framework Agreement on Petroleum Security (APSA)' yang baharu.

APG telah ditegaskan semula sebagai teras dalam mempromosi perdagangan kuasa serantau, meningkatkan keselamatan tenaga, dan mendukung integrasi tenaga boleh diperbaharui. Sementara itu, APSA yang baharu diiktiraf sebagai mekanisme penting untuk menjamin keselamatan bekalan minyak dan gas semasa gangguan bekalan,

memperkukuh penyelarasan tindak balas kecemasan, dan meningkatkan daya tahan sistem tenaga serantau secara keseluruhan.

Selain itu, mesyuarat turut mengumumkan pelancaran 'ASEAN Power Grid Financing Initiative' (APGF), iaitu satu mekanisme serantau untuk menggerakkan pelaburan awam dan swasta dalam meningkatkan perdagangan elektrik rentas sempadan, kebolehpercayaan sistem, dan integrasi tenaga boleh diperbaharui.

Mesyuarat juga telah meluluskan Pelan Tindakan ASEAN untuk Kerjasama Tenaga (APAEC) 2026-2030, dengan tema, 'Advancing Regional Cooperation in Ensuring Energy Security and Accelerating Decarbonisation for a Just and Inclusive Energy Transition', yang akan menjadi pelan tindakan panduan untuk agenda tenaga ASEAN dalam tempoh lima tahun akan datang.

APAEC 2026 hingga 2030 diiktiraf sebagai pencapaian penting, menyelaraskan keutamaan tenaga ASEAN dengan Wawasan ASEAN 2045 dan Pelan Strategik Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2026 hingga 2030.

Ia menetapkan laluan yang jelas untuk memastikan keselamatan tenaga, memajukan kesalinghubungan serantau, meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, meningkatkan kecekapan tenaga dan menerima teknologi baharu muncul.

Mesyuarat juga menegaskan semula kepentingan mengukuhkan perkongsian dengan Rakan Dialog

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri and Menteri Pertahanan II telah mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat berkenaan yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

dan Organisasi Antarabangsa untuk menyokong peralihan tenaga ASEAN. Mesyuarat mengalu-alukan inisiatif yang berterusan dan baharu di bawah pelbagai kerjasama dengan Rakan Dialog dan organisasi antarabangsa, yang bertujuan untuk menyokong pelaksanaan APAEC.

Di samping mesyuarat rasmi, Yang Berhormat juga mengadakan perbincangan bersama pemimpin-pemimpin tenaga ASEAN lain, termasuk bersama Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia, selaku Pengerusi AMEM Ke-43, serta Menteri Petroleum dan Sumber Mineral Republik Demokratik Timor-Leste, Yang Berhormat Francisco Da Costa Monteiro.

Mesyuarat berkenaan turut meluluskan Kenyataan Media Bersama bagi Mesyuarat AMEM Ke-43, Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN+3 Ke-22, dan Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-19.

Di samping AMEM Ke-43, NBD juga telah mengambil bahagian dalam beberapa sesi dialog berprofil tinggi, termasuk sesi



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

bersama Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) dan Agensi Tenaga Boleh Diperbaharui Antarabangsa (IRENA) sebagai sebahagian daripada kerjasama berterusan ASEAN dengan rakan-rakan antarabangsa dalam menyokong usaha peralihan tenaga serantau.

Di samping Mesyuarat AMEM yang Ke-43, Yang Berhormat juga telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri bagi Asia Zero Emission Community (AZEC) yang Ke-3 yang diadakan pada sebelah petang 17 Oktober 2025 selepas 43rd AMEM.

AZEC merupakan inisiatif yang ditubuhkan oleh Kerajaan Jepun pada 2023 bagi mempromosi penyahkarbonan dan karbon neutraliti di antara rakan negara-negara yang ikut serta inisiatif tersebut, termasuk Australia, NBD, Kemboja, Republik Indonesia, Jepun, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia,

Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Pada mesyuarat berkenaan, rakan negara-negara memperakui Kenyataan Bersama bagi Mesyuarat Menteri-menteri AZEC yang Ke-3, dan kenyataan berkenaan menekankan konsep *one goal, various pathways* dalam segala usaha untuk menangani perubahan iklim, menggalakkan pertumbuhan ekonomi inklusif dan mencapai keselamatan tenaga selaras dengan persetujuan - persetujuan antarabangsa, yang mengiktiraf keadaan ekonomi, sosial dan sejarah unik bagi setiap negara-negara membangun. Perbincangan dalam mesyuarat berkenaan akan dimuktamadkan pada Mesyuarat Pemimpin AZEC.

Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN Ke-44 dijadualkan berlangsung pada 2026 di Republik Filipina.

Memastikan sistem penjagaan kesihatan selamat untuk semua



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TEMBURONG, Rabu, 15 Oktober. - Kementerian Kesihatan menerusi Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (Hospital PIHM), Temburong, pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2025 di Ruang Lobi Pusat Perempuan dan Kanak-kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital RIPAS, Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Penguasa

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2025 di Ruang Lobi Pusat Perempuan dan Kanak-kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Perubatan selaku Ketua Unit Kualiti dan Keselamatan Pesakit Hospital PIHM, Temburong, Dr. Haji Fakhruddin bin Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Dr. Haji Fakhruddin dalam ucapannya menjelaskan, dalam memperingati Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2025, tema sambutan tahun ini, iaitu 'Penjagaan yang Selamat Untuk Setiap Anak Damit Yang Baru Lahir dan Setiap Kanak-kanak' diketengahkan bagi menekankan akan kepentingan keselamatan pesakit terkecil dalam sistem penjagaan kesihatan.

Jelasnya lagi, selari dengan matlamat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), fokus seharusnya diberikan kepada penglibatan keluarga serta peningkatan

keselamatan ubat-ubatan bagi kanak-kanak.

Usaha berterusan ini katanya, diharap dapat memastikan kecemerlangan dalam penjagaan pesakit yang berlandaskan bukti dan dilaksanakan dengan penuh kasih sayang.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya merasmikan dan melancarkan Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2025.

Antara aktiviti yang diadakan ialah menyaksikan tayangan video Hari Keselamatan Pesakit Sedunia 2025, Pameran Hari Keselamatan Pesakit, kuiz dan ruwai jualan bagi memeriahkan lagi acara berkenaan.

Hari Keselamatan Pesakit Sedunia yang disambut setiap tahun pada 17 September, adalah untuk meningkatkan kesedaran, menggerakkan tindakan, dan mengurangkan bahaya yang boleh dilakukan dalam penjagaan kesihatan.

Tema tahun ini ialah 'Penjagaan Yang Selamat Untuk Setiap Anak Damit Yang Baru Lahir dan Setiap Kanak-kanak', dengan slogan 'Keselamatan Pesakit Bermula Dari Awal', memfokuskan kepada memastikan penjagaan yang selamat, sesuai untuk anak damit

yang baru lahir dan kanak-kanak kecil (dari lahir hingga sembilan tahun), yang menghadapi risiko yang lebih tinggi disebabkan oleh perkembangan pesat mereka, keperluan kesihatan yang berkembang dan corak penyakit yang berbeza.

Slogan berkenaan juga menyeru semua pihak termasuk pekerja kesihatan, penggubal dasar, ibu bapa dan masyarakat untuk bersama memainkan peranan penting dalam memastikan persekitaran yang lebih selamat bagi semua.

Selain itu, ia bukan hanya tanggungjawab hospital atau klinik semata-mata, tetapi merupakan gerakan kolektif yang mencerminkan komitmen global dan tindakan bersepadu bagi menghapuskan bahaya yang boleh dicegah serta memastikan setiap kanak-kanak mendapat permulaan hidup yang sihat dan selamat.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; serta ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan.

Kerjasama sepadu tangani pengangguran, tingkatkan kecekapan tenaga kerja



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menambah, usaha memperkukuh kemahiran tenaga kerja perlu diteruskan melalui program latihan semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) agar pekerja sentiasa bersedia menghadapi perubahan industri.

Selain itu, Yang Berhormat turut menekankan bahawa setiap syarikat juga mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan jaminan pekerjaan dan pengurusan tenaga kerja yang beretika.

Menurut Yang Berhormat, pemberhentian pekerja secara berulang atau pengurangan tenaga kerja yang tidak dirancang bukan

sahaja memberi kesan kepada individu tetapi juga menambah kos operasi jangka panjang.

"Syarikat yang mengekalkan tenaga kerja mahir, melabur dalam latihan dan membina budaya kerja positif sebenarnya akan menikmati produktiviti yang lebih tinggi serta reputasi yang kukuh di pasaran.

"Pelaburan terhadap pekerja bukanlah kos semata-mata, tetapi satu pelaburan strategik asas kepada daya tahan ekonomi dan kestabilan sosial negara," jelas Yang Berhormat.

Sehubungan itu, Yang Berhormat berkata, kerajaan berhasrat untuk terus memperkukuh peluang pekerjaan dengan matlamat terus mengurangkan kadar pengangguran negara dalam tempoh terdekat.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Anugerah Pengambilan Anak Tempatan Tertinggi Jelajah Kerjaya 2024 kepada GoMamam.

"InsyaAllah, dengan kerjasama padu antara semua pihak, sasaran ini mampu dicapai melalui strategi yang tersusun dan latihan berkualiti untuk pekerja tempatan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyeru agar syarikat-syarikat yang menyertai acara berkenaan agar menggunakan peluang tersebut untuk mencari calon yang sesuai, di samping memberi inspirasi, bimbingan dan peluang kepada pencari kerja tempatan.

"Merekalah aset masa depan yang akan menyumbang kepada kemajuan organisasi dan pembangunan ekonomi negara," kata Yang Berhormat.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Setiausaha Tetap (Wawasan) JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra.

Dalam ucapan alu-aluan, Pengarah PPB, Hajah Noraini binti Haji Mohd. Jamudin menegaskan bahawa acara Jelajah Kerjaya bukan sekadar acara tahunan tetapi inisiatif berterusan PPB yang berlandaskan kesedaran

mengenai cabaran pengangguran yang memerlukan pendekatan inklusif, bersepadu dan berterusan.

Beliau menjelaskan bahawa sejak acara itu diperkenalkan pada tahun 2024, objektif utama inisiatif tersebut adalah untuk menyediakan platform bagi menghubungkan pencari kerja tempatan dengan peluang pekerjaan yang ditawarkan di daerah masing-masing.

"Melalui temuduga terbuka, pameran kerjaya, sesi bimbingan serta perkongsian ilmu, diharapkan proses pengambilan pekerja dapat dipermudahkan, di samping memastikan peluang tersebut diberikan keutamaan kepada penduduk tempatan," jelasnya.

Beliau turut mengongsikan, pada tahun ini, Jelajah Kerjaya telah menarik penyertaan daripada 105 pempamer terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta dari pelbagai sektor yang menawarkan lebih daripada 1,682 peluang pekerjaan termasuk bagi para pencari kerja dalam kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Semasa acara ini, jelas beliau, lebih 1,850 pencari kerja tempatan telah berkunjung ke Jelajah Kerjaya yang diadakan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

"Ini mencerminkan semangat dan kesungguhan anak tempatan dalam merebut peluang yang disediakan melalui platform ini," katanya.

Acara ini bukan sahaja menjadi platform bagi menemukan pencari kerja dan majikan, malah ia juga menzahirkan semangat kolaborasi antara kerajaan, sektor swasta dan

masyarakat dalam memperkukuh ekosistem pekerjaan yang inklusif dan mampan di Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, acara tersebut juga mengetengahkan pelancaran inisiatif baharu iaitu Anugerah Brunei Local Opportunity and Outstanding Merit (BLOOM), yang merupakan satu bentuk pengiktirafan rasmi oleh PPB bagi menghargai syarikat-syarikat berdaftar yang menunjukkan komitmen tinggi dalam menyokong usaha pengambilan tenaga kerja tempatan.

Selain sebagai tanda penghargaan, BLOOM turut menjadi insentif kepada syarikat untuk terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Anugerah BLOOM dibahagikan kepada dua kategori iaitu Anugerah Pengambilan Anak Tempatan Tertinggi Jelajah Kerjaya 2024 yang dianugerahkan kepada syarikat dengan penyertaan dan pengambilan tinggi melalui platform Jelajah Kerjaya; dan Anugerah Majikan Prihatin yang mengiktiraf majikan inklusif iaitu mengambil pekerja OKU melalui PPB atau program berkaitan.

Pemenang bagi kategori pertama ialah GoMamam, manakala Borneo Kopitiam Restaurant and Catering serta Imagine Sendirian Berhad diumumkan sebagai pemenang bagi kategori kedua.

Majlis Perasmian Acara Kemuncak Jelajah Kerjaya 2025 diakhiri dengan lawatan tetamu kehormat ke ruang pameran PPB, agensi-agensi kerajaan lain serta syarikat-syarikat yang menyertai acara tersebut.

9 PELAJAR TANDATANGANI PROGRAM KADET MARITIM



Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam

JERUDONG, Khamis, 16 Oktober. - Sembilan pelajar, terdiri daripada lima lelaki dan empat perempuan, baru-baru ini menandatangani Program Kadet Maritim, sebuah inisiatif bersama antara Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), sebagai sebahagian daripada laluan mereka untuk menjadi Pegawai Dek profesional.

Majlis penandatanganan tersebut berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa

BRIDEX, bersempena pelancaran Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam (BDMW) 2025, baru-baru ini.

Para kadet kini mengikuti pengajian selama 3.5 tahun dalam program Diploma Pengajian Nautika di Akademi Maritim Brunei (BMA), IBTE, yang telah bermula pada Julai 2025.

Program ini menyediakan penajaan penuh dan laluan kerjaya yang tersusun, membekalkan para kadet dengan pengetahuan akademik, latihan praktikal, serta kemahiran profesional untuk

berkhidmat di kapal-kapal tempatan dan antarabangsa.

MPABD berhasrat untuk menyokong sekurang-kurangnya 10 kadet baharu setiap tahun, dengan laluan kerjaya khusus bagi memberi peluang kepada lelaki dan wanita untuk menceburi dan cemerlang dalam bidang maritim.

Semasa majlis tersebut, para kadet berkongsi motivasi dan aspirasi peribadi mereka. Awangku Mohammad Adrio Iman bin Pengiran Annuar menyatakan bahawa beliau didorong oleh minat yang mendalam terhadap laut serta laluan kerjaya yang jelas dan tersusun untuk menjadi Pegawai Dek profesional dalam industri

maritim global.

Begitu juga, Awang Mohammad Isa bin Mohammd Ashadi yang berkongsi minatnya terhadap pengembaraan, perjalanan, dan tanggungjawab, serta menekankan matlamatnya untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran bagi menjadi pelaut yang kompeten.

Kadet lain, termasuk Awang Muhammad Syarifuddin Hakim bin Mohamad Saiful Hadi, Dayang Khairul Fadhlin Hazwan Adibahana binti Roslin, dan Dayang Nur Taufiqillah Syahirah binti Abdul Abdu Talib, menyuarakan semangat mereka untuk mendalami ilmu dalam bidang pengajian nautika, navigasi, dan

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, selaku Pengerusi MPABD, hadir selaku tetamu kehormat serta menyaksikan penandatanganan berkenaan.

kehidupan di laut.

Sementara itu, Dayang Nurul Aqmal Syafiqah binti Mohammad Sepiee, Dayang Sharifah Radiyatul Maisarah binti Wan Rahime, Awang Abdul Wafi bin Abdullah, dan Awang Muhammad Raziq Safwan bin Razman menekankan potensi program ini dalam menyediakan kerjaya yang terjamin serta menyumbang kepada pertumbuhan sektor maritim Negara Brunei Darussalam.

Majlis tersebut diakhiri dengan sesi bergambar bersama para kadet dan keluarga mereka, bersama tetamu kehormat, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Pengerusi MPABD, yang turut menyaksikan penandatanganan.

Turut hadir ialah Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman, dan Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar, Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), ahli-ahli Lembaga Pengarah MPABD, pegawai kanan kerajaan dan wakil-wakil institusi pengajian tinggi, serta ibu bapa dan keluarga para kadet.

NBD, REPUBLIK FILIPINA TERUS MEMPERKUKUH KERJASAMA PERTAHANAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BERAKAS, Rabu, 15 Oktober. - Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini menerima lawatan rasmi daripada Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Romeo Saturnino Brawner Jr.

Sejurus tiba di Bolkiah Garison, Tuan Yang Terutama Jeneral Romeo Saturnino Brawner Jr. dialu-alukan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan seterusnya menerima Tabik Hormat serta memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Tuan Yang Terutama kemudiannya mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri

KETUA Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Romeo Saturnino Brawner Jr. semasa sesi bergambar ramai pada lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam.

di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof. Semasa kunjungan berkenaan, kedua-dua pihak menzahirkan penghargaan terhadap hubungan pertahanan yang kukuh dan berterusan antara NBD dan Republik Filipina serta bertukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan geopolitik yang berkepentingan bersama.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan untuk

menguatkan kerjasama melalui latihan bersama, perkongsian kepakaran serta pertukaran lawatan antara kedua-dua Angkatan Tentera.

Terdahulu, TYT telah mengadakan kunjungan muhibah ke atas Pemerintah ABDB. TYT menyampaikan ucapan penghargaan atas sokongan dan kerjasama diberikan oleh ABDB dalam memantapkan hubungan erat yang sedia terjalin di antara kedua-dua Angkatan Tentera.

TYT juga menegaskan komitmen Angkatan Bersenjata Republik Filipina untuk terus mempertingkatkan kerjasama berkenaan.

Sepanjang berada di negara ini, TYT dijadualkan mengunjungi beberapa unit di bawah ABDB serta melawat pusat-pusat kebudayaan dan tempat-tempat bersejarah di NBD.

TYT berada di NBD dari 14 hingga 16 Oktober 2025.

66 pelajar Sekolah Ugama JIS terima sijil SSSRU



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Peperiksaan Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi bagi Sekolah Ugama Ugama Antarabangsa Jerudong (JIS) (kiri). Sementara gambar atas, antara pelajar yang hadir pada majlis tersebut.

JERUDONG, Jumaat, 17 Oktober. - Seramai 66 orang pelajar Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong (JIS) yang berjaya menamatkan persekolahan ugama Darjah VI menerima sijil masing-masing dalam Majlis Penyampaian Sijil Peperiksaan Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi bagi Sekolah Ugama JIS yang diadakan di Art Centre, sekolah berkenaan.

Penganjuran majlis ini bertujuan mengiktiraf pencapaian cemerlang hasil usaha gigih para pelajar Darjah VI, di samping menyemai semangat kecemerlangan dalam kalangan pelajar.

Selain itu, ia juga dihasratkan untuk mengukuhkan sokongan dan kerjasama erat antara pihak sekolah, ibu bapa serta komuniti dalam mendidik generasi berilmu dan berakhlak mulia.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, yang kemudiannya turut menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pelajar yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan

persembahan Tausyeh Qalamun Qadim dan Hafazan Surah Al-Mulk.

Seterusnya, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Guru Besar Sekolah Ugama JIS, Dayang Hajah Noraidah binti Haji Tengah, dan disusuli ucapan daripada Pengetua Sekolah JIS, Nicholas Sheehan.

Acara kemudian diteruskan dengan tayangan slide, diikuti dengan penyampaian sijil oleh

tetamu kehormat.

Turut menyerikan acara ialah persembahan Tausyeh dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat serta sesi bergambar ramai.

Semoga para pelajar terus melangkah maju dengan semangat yang tinggi, berusaha mencapai kecemerlangan di masa hadapan, dan menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

iklan jawatan kosong

Kalendar saya

kedudukan permohonan

aduan saya

2

Status Permohonan Kerja

Bagian	Status	Ujian
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
II	PROSES PERAKUAN	20
III	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	20
IV	TIDAK HADIR	20
V	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	20
VI	PEMOHON DITERIMA	20

3

Ujian Temu Duga

MEMPERKUKUH, MEMPERTINGKATKAN PROFESIONALISME, KEUPAYAAN DUA HALA



MESYUARAT Dua Hala Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) - Pasukan Polis Singapura (SPF) Ke-18 bersama SPF yang berlangsung pada 14 Oktober 2025 di Ibu Pejabat PPDB (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 15 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala PPDB - Pasukan Polis Singapura (SPF) Ke-18 bersama SPF yang berlangsung pada 14 Oktober 2025 di Ibu Pejabat PPDB, Gadong.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan bersama oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin dan Timbalan Pesuruhjaya (Dasar), SPF, How Kwang Hwee.

Antara perkara yang dibincangkan adalah peluang untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang keselamatan dan kepolisan, termasuk aspek latihan, peningkatan kemahiran serta

pertukaran kepakaran.

Mesyuarat turut membincangkan tentang peluang-peluang untuk memperluas kerjasama dalam bidang siasatan jenayah siber dan keupayaan forensik digital melalui program latihan serta penempatan pegawai PPDB di Singapura bagi tujuan pendedahan dan pembinaan kapasiti.

PPDB dan SPF menegaskan komitmen berterusan untuk memperkukuh hubungan dua hala serta meningkatkan profesionalisme dan keupayaan anggota masing-masing ke arah pasukan yang berdisiplin, berintegriti dan berwibawa dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.



SESI bergambar ramai bersama Pesuruhjaya Polis, PPDB, dan Timbalan Pesuruhjaya (Dasar), SPF, dan pegawai serta kakitangan yang terlibat.

Majlis Peletakan Batu Asas tapak Dewan KOTIBA



UPACARA Peletakan Batu Asas telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan bawah), manakala gambar bawah kanan, sesi bergambar ramai bersama Pengerusi, Setiausaha, Ahli-ahli Lembaga Koperasi, Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil KOTIBA.



Siaran Akhbar : Koperasi Persatuan TIBA

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Koperasi Persatuan TIBA

SALAMBIGAR, Rabu, 15 Oktober. - Acara perasmian yang menandakan permulaan rasmi kerja-kerja pembinaan Projek Dewan Serbaguna Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) bermula dengan Majlis Peletakan Batu Asas di tapak projek berkenaan.

Upacara Peletakan Batu Asas telah disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Projek pembinaan dewan serbaguna itu didirikan di atas tapak seluas 3.00 ekar berserta dengan prasarana asas seperti gelanggang sukan, pejabat, surau, bilik mesyuarat, fasiliti orang kurang upaya dan infrastruktur

lain.

Projek tersebut bernilai lebih kurang BND800,000 dan dijadualkan siap dalam tempoh 18 bulan dengan pelaksanaan projek dikendalikan oleh kontraktor dilantik, Salsadil Sdn. Bhd. Ia adalah acara perasmian yang menandakan permulaan rasmi kerja-kerja pembinaan Dewan Serbaguna KOTIBA.

Projek membina dewan ini dihasratkan akan menyediakan kemudahan kepada masyarakat Kampung Salambigar, Kampung Sungai Orok, Kampung Sungai Hanching dan Kampung Tanah Jambu.

Pembinaan Dewan Serbaguna KOTIBA merupakan antara pelan pelaburan strategik KOTIBA dengan matlamat mewujudkan

aliran pendapatan baharu untuk koperasi dan bagi tujuan pembangunan sosioekonomi yang mampan untuk menjana pendapatan kepada pemegang-pemegang saham KOTIBA.

Dengan adanya dewan serbaguna itu, ia akan menjadi hab aktiviti-aktiviti keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan ekonomi yang menitikberatkan belia-belia berpaksikan nilai dan unsur Melayu Islam Beraja (MIB).

Turut hadir, Pengerusi, Setiausaha, Ahli-ahli Lembaga Koperasi, Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil KOTIBA, Pemangku Ketua Kampung Salambigar dan Sungai Hanching, ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai kanan di kerajaan, pihak kontraktor dan wakil dari Arkitek Gemilang Latif, perunding yang mengendalikan projek berkenaan.



Menjauhi dan menghindari sifat ujub



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah - mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Luqman, ayat 18 :

Tafsirnya : "Dan janganlah engkau memalingkan mukamu daripada manusia (kerana memandang rendah terhadap mereka) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, sesungguhnya Allah tidak suka tiap-tiap orang yang sombong lagi membangga-banggakan diri".

Agama kita menuntut umatnya agar

memiliki sifat-sifat yang terpuji dan melarang umatnya daripada bersifat keji bagi mencapai kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan juga di akhirat. Dalam agama Islam, sifat ujub atau membanggakan diri itu merupakan antara sifat keji dan tercela.

Ujub adalah salah satu sifat kagum terhadap diri sendiri, angkuh, bongkak dan ego. Sifat ini juga diertikan sebagai sifat membanggakan diri dengan memberikan penghargaan yang terlalu berlebihan terhadap kemampuan diri sendiri, umpamanya rasa meninggi diri dalam bidang keilmuan, amalan ataupun kesempurnaan moral sehingga ada yang sampai kepada satu tahap di mana seseorang itu lupa bahawasanya Allah Subhanahu Wata'ala yang memberikan setiap kebaikan dan nikmat tersebut. Sifat ujub ini juga merupakan satu sifat kesombongan yang terbit dalam hati dan tidak zahir ataupun dilihat oleh orang lain.

Sesungguhnya ujub ini lahir dalam diri seseorang yang mempunyai hati dan jiwa yang tidak bersih. Di dalam Islam, ujub adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat. Ini kerana akan wujud sifat tidak ikhlas dan lupa kepada keagungan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, sifat ujub dan ingin mengharap pujian ataupun sanjungan orang lain adalah termasuk dalam penyakit hati yang patut disingkirkan dalam kehidupan setiap Muslim. Daripada Ibnu Umar Radiallahuuanha katanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tiga perkara yang membinasakan : Sifat kedekut yang menguasai diri, hawa nafsu yang diikuti dan seseorang itu merasa kagum terhadap dirinya sendiri". (Hadis Riwayat At-Tabarani)

Imam Al-Ghazali dalam kitabnya Sulwatul Arifin telah menjelaskan bahawa antara

penyakit seseorang itu memiliki sifat ujub, antaranya :

Pertama : Ujub kerana sihatnya badan. **Kedua :** Ujub kerana kekuatan. **Ketiga :** Ujub kerana mempunyai akal yang cerdas. **Keempat :** Ujub dengan nasab ataupun keturunan. **Kelima :** Ujub kerana mempunyai anak yang ramai, pembantu dan pengikut. **Keenam :** Ujub dengan harta benda.

Sesungguhnya sifat ujub mempunyai kesan amat buruk dalam kehidupan seseorang. Nilai keperibadian dan sahsiah mereka tidak melambangkan mukmin sejati kerana ketinggian egonya serta tidak mudah mengaku kelemahan dan kekurangan yang ada pada diri. Perlu diketahui, bahawa antara kesan buruk ujub itu ialah :

Pertama : Dibenci Allah Subhanahu Wata'ala. **Kedua :** Mendapat azab neraka pada hari akhirat. **Ketiga :** Kehidupannya diselubungi penipuan. **Keempat :** Bangga diri tergolong amalan syaitan. **Kelima :** Tidak memperoleh taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. **Keenam :** Tidak memperoleh keberkatan dalam hidup. **Ketujuh :** Dibenci oleh masyarakat sehingga membawa kepada pergaduhan. **Kelapan :** Merosakkan akal fikiran dan menjatuhkan kemuliaan akhlak.

Natijahnya, perasaan bangga diri ataupun ujub adalah sikap yang sia-sia kerana penuh kepura-puraan yang dibenci oleh masyarakat. Oleh itu, Islam amat menggalakkan umatnya untuk bersyukur ketika memperoleh nikmat ataupun kelebihan agar selamat daripada kekufuran. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu

kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Untuk menjauhi dan menghindari diri kita daripada ujub ialah dengan sentiasa menanamkan dan menyuburkan sifat tawaduk dan sentiasa merendahkan diri. Sifat tawaduk dapat memimpin kita agar sentiasa menghormati orang lain walaupun kita mempunyai kelebihan, ia akan menjadikan hati kita sentiasa ikhlas dalam beramal ibadah, berbuat kebaikan dan amal kebajikan sehingga menyebabkan kita tidak akan suka menunjuk-nunjuk apa yang dilakukan.

Selain itu, sifat tawaduk juga menjadikan kita sentiasa bermuhasabah diri, sentiasa mencari kekurangan dan kelemahan diri, mahu menerima teguran dan nasihat daripada orang lain. Ingatlah, bahawa ujub itu merupakan penyakit hati yang boleh membawa kepada kebinasaan dan kerosakan terhadap diri sendiri dan ia bukan sahaja dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala bahkan juga tidak akan disukai dan dihormati oleh masyarakat sekeliling.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita semua memiliki akhlak mulia serta bersifat tawaduk dan terhindar daripada sifat ujub. Mudah-mudahan dengan demikian, kita semua akan dapat menikmati kehidupan yang aman dan bahagia di dunia dan juga di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan hamba-hamba Tuhan yang Maha Pemurah (ialah) orang-orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka (dengan kata-kata yang menghina), mereka menjawab dengan perkataan yang baik-baik (untuk menghindari dosa)". (Surah Al-Furqan, ayat 63)

Teroka pendekatan inovatif, memperkukuh pembangunan bakat



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad semasa menghadiri Dialog Dasar EU-ASEAN Kali Ke-3 pada 14 dan 15 Oktober 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia (atas kiri dan atas kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

KUALA LUMPUR, Malaysia, Jumaat, 17 Oktober. - Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, baru-baru ini menghadiri Dialog Dasar EU-ASEAN Kali Ke-3 dengan tema 'Memperkasakan Pembangunan Bakat dan Kemahiran melalui Pengantarabangsaaan', yang diadakan pada 14 dan 15 Oktober 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Dialog Dasar tersebut dianjurkan oleh EU-ASEAN Sustainable Connectivity Package - Higher Education Programme (SCOPE-HE) dengan kerjasama Kementerian

Pendidikan Tinggi (MoHE), Malaysia, The Dutch Organisation for Internationalisation in Education (Nuffic) dan The German Academic Exchange Service (DAAD).

Sepanjang tempoh dua hari Dialog Dasar tersebut, wakil-wakil kanan daripada pihak kementerian, universiti, institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), serta sektor swasta telah bermuzakarah dalam usaha bersama untuk memperkukuh kerjasama antara komuniti pengajian tinggi ASEAN dan Kesatuan Eropah.

Melalui sesi perbincangan panel yang dinamik, sesi interaktif, dan

aktiviti jaringan profesional, para peserta telah bertukar pandangan mengenai cabaran-cabaran dasar serta berpeluang meneroka pendekatan inovatif untuk memperkukuh kesalinghubungan yang mampan dalam pengajian tinggi, TVET, dan penyelidikan.

Sorotan utama Dialog merangkumi perbincangan mengenai: memperkukuhkan pembangunan bakat dengan mempertingkatkan kepimpinan dan bakat di peringkat pengajian tinggi melalui mobiliti dan penglibatan pelajar; membangunkan TVET sebagai laluan pendidikan yang mampan dengan mempromosikan TVET sebagai pilihan pendidikan yang relevan-industri dan berwibawa;

serta memupuk kerjasama antarabangsa dan perkongsian strategik yang mampan dengan memperkukuh hubungan merentasi rantau melalui pertukaran mampan dan penyelarasan akademik yang berterusan.

Kemuncak Dialog ialah Kuala Lumpur Policy Brief 2025, iaitu siri ketiga selepas Vientiane Policy Brief 2024, dan Brussels Policy Brief 2025.

Susulan Dialog tersebut, Dr. Haji Azman turut berkesempatan mengadakan beberapa siri pertemuan dan lawatan kerja ke beberapa buah agensi dan institusi utama, termasuk Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

(JPKK) Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC) dan German-Malaysia Institute (GMI).

Lawatan-lawatan berkenaan bukan sahaja memberikan pandangan yang berharga mengenai amalan-amalan dan inisiatif-inisiatif serantau yang boleh memberi manfaat kepada landskap pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD), tetapi juga boleh meningkatkan potensi kerjasama dan perkongsian dengan agensi dan institusi berkenaan.

Turut hadir mengiringi Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) adalah pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan NBD.



MENJAUHI & MENGHINDARI SIFAT UJUB


 جيلتان حال احوال مسجد
 JABATAN HAL EHWAL MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 25 RABIULAKHIR 1447H / 17 OKTOBER 2025M

UJUB ADALAH SALAH SATU SIFAT KAGUM TERHADAP DIRI SENDIRI, ANGKUH, BONGKAK DAN EGO. ANTARA PENYEBAB SESEORANG ITU MEMILIKI SIFAT UJUB:



SESUNGGUHNYA SIFAT UJUB MEMPUNYAI KESAN YANG AMAT BURUK DALAM KEHIDUPAN SESEORANG. ANTARA KESAN BURUK UJUB ITU IALAH:



**APA YANG
PERLU KITA
BUAT**



**SENTIASA MENANAMKAN DAN
MENYUBURKAN SIFAT TAWADUK
DAN SENTIASA MERENDAHKAN DIRI**



PROMOSI KEUNIKAN CITA RASA MASAKAN MALAYSIA

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

GADONG, Rabu, 15 Oktober. - Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Hotel Antarabangsa Rizqun dan Tourism Malaysia menganjurkan Festival Makanan Malaysia 2025 bermula 15 hingga 19 Oktober 2025, bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Majlis perasmian festival berkenaan berlangsung petang tadi dan dihadiri jemputan khas termasuk Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, para Pesuruhjaya Tinggi serta Perwakilan Diplomatik, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan kalangan korporat.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini Atan dalam ucapan perasmian berkata, penganjuran festival berkenaan bukan sahaja menyerlahkan kekayaan warisan gastronomi Malaysia, bahkan menjadi platform memperkukuh hubungan budaya serta penyertaan sosial antara masyarakat Malaysia dan NBD.

Jelas Tuan Yang Terutama lagi, reputasi Malaysia sebagai syurga makanan diiktiraf di seluruh dunia dan kepelbagaian makanan tradisi daripada pelbagai kaum mencerminkan keunikan identiti budaya Malaysia.

TYT turut menegaskan bahawa festival berkenaan merupakan satu penghormatan buat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD, dengan sokongan padu dari Hotel Antarabangsa Rizqun dan Tourism Malaysia.

"Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha diplomasi budaya di bawah Kerangka Dasar Luar Malaysia yang bertujuan mempromosi makanan dan budaya Malaysia di persada antarabangsa," tambah TYT.

Pada majlis berkenaan, para tetamu dihidangkan dengan pelbagai juadah autentik Malaysia yang disediakan oleh chef jemputan khas dari Kolej Komuniti Beaufort, Sabah. Antara hidangan istimewa yang diketengahkan termasuk Laksa Pulau Pinang, Mee Jawa, Char Kway Teow Pulau



SESI bergambar ramai pada Festival Makanan Malaysia 2025 yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong

Pinang, Murtabak Malaysia serta Kuih Gelembung Buaya, iaitu kuih tradisional dari Kelantan.

Turut diadakan ialah demonstrasi memasak secara langsung yang menampilkan penyediaan Char Kway Teow Pulau Pinang dan Murtabak Malaysia,

dikendalikan oleh Chef Mohd Fikri, Chef Mohd Yusof dan Chef Shamsuddin.

Festival berkenaan bertujuan mempromosi keunikan masakan Malaysia kepada masyarakat tempatan di NBD serta meningkatkan pemahaman

budaya serumpun melalui gastronomi.

Pada edisi kali ini, festival mengetengahkan bakat kuliner dari Kolej Komuniti Beaufort yang akan memimpin penyediaan menu khas sepanjang festival berlangsung.

Meningkatkan kebolehpasaran, kesiapsiagaan tenaga kerja digital

KETUA Eksekutif AITI dan Ketua Bersama Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pengarah Tenaga Kerja bagi Sektor ICT (MISC-WG ICT), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penyampaian Anugerah bagi Kumpulan Kedua Program Perantisan Digital Tech Experience Learning Overseas in a Real-Working Environment (TechXPLORE).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Oktober. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah bagi Kumpulan Kedua Program Perantisan Digital Tech Experience Learning Overseas in a Real-Working Environment (TechXPLORE) bertempat di Dewan Seri Kerna, AITI, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Eksekutif AITI dan Ketua Bersama Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pengarah Tenaga Kerja bagi Sektor ICT (MISC-WG ICT), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Turut hadir, Pengerusi Persekutuan InfoKom Brunei (IFB), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff selaku Ketua Bersama MISC-WG ICT, Ahli-ahli MISC-WG ICT serta wakil-wakil dari Institusi Pengajian Tinggi.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Penolong Ketua Eksekutif bagi Kumpulan Pembangunan Industri, AITI, Awang Muhammad Razan bin Haji Abdul Razak yang menyatakan penghargaan kepada rakan-rakan kolaborasi dan menekankan usaha berterusan AITI dalam membangunkan bakat digital negara melalui pendedahan

antarabangsa serta pengalaman langsung dalam industri.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian penerangan mengenai program perantisan serta jangkaan sepanjang tempoh tujuh bulan program, termasuk penempatan industri di Bandung, Indonesia daripada Pengarah Urusan Mindtrex Academy Sdn. Bhd., rakan kerjasama AITI bagi Kumpulan Kedua Program TechXPLORE, Pengiran Mohammad Khairi bin Pengiran Haji Metussin.

Tetamu kehormat kemudiannya menyempurnakan anugerah secara rasmi kepada lima peserta Kumpulan Kedua Program Perantisan Digital TechXPLORE, yang telah dipilih berdasarkan potensi mereka untuk cemerlang dalam bidang ICT masing-masing.

Lima peserta tersebut ialah Awang Muhammad Haziq Zulfadli bin Othman, Awang Mohammad Syazwi bin Mohammad Suferi, Dayangku Nur Batrisyia binti Pengiran Haji Shafulrizal, Awang

Mohamad Ikhwani bin Haji Harun dan Awangku Muhammad Aiman bin Pengiran Nasaruddin.

Peserta Kumpulan Kedua telah memulakan program perantisan mereka dengan sesi pengenalan pada 6 Oktober 2025 dan akan berlepas untuk penempatan selama enam bulan di Bandung, Indonesia pada awal November 2025.

Sepanjang tempoh perantisan, mereka akan berada di bawah seliaan pakar industri dan terlibat dalam projek praktikal secara langsung yang berkaitan dengan peranan pekerjaan masing-masing.

Dengan matlamat untuk memberi peluang kepada belia tempatan yang menganggur dan berkelulusan dalam bidang ICT agar lebih bersedia untuk bekerja dan memenuhi keperluan industri, Program Perantisan Digital TechXPLORE merupakan satu inisiatif oleh AITI dengan sokongan daripada MISC-WG ICT, yang dibentuk di bawah Manpower

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

Planning and Employment (MPEC), Jabatan Perdana Menteri.

Kumpulan Pertama dan Kedua program ini dilaksanakan dengan kerjasama Mindtrex Academy Sdn. Bhd. sebagai Rakan Program AITI. Program ini juga selaras dengan Pelan Induk Ekonomi Digital Brunei 2025, yang menyokong visi negara untuk membangunkan ekonomi yang berpendidikan tinggi, berkemahiran, berjaya, dinamik dan mampan.

Mindtrex Academy Sdn. Bhd. telah membangunkan skop kerja tersendiri, perincian peranan pekerjaan dan kompetensi teknikal yang jelas untuk para peserta TechXPLORE, berdasarkan kepada Rangka Kerja Kompetensi Industri ICT Brunei (BIICF), iaitu panduan menyeluruh mengenai peranan pekerjaan dalam industri ICT, kemahiran dan keperluan kompetensi.

Ini memastikan latihan yang diberikan adalah sejajar dengan standard dan amalan industri semasa, membolehkan peserta memperoleh kemahiran dan pengalaman yang relevan bagi memenuhi keperluan pasaran semasa.

Melalui TechXPLORE, AITI berhasrat untuk melengkapkan belia tempatan dengan kemahiran, pengetahuan dan pendedahan global yang diperlukan dalam landskap digital masa kini, dengan melabur dalam graduan ICT tempatan.

Program ini akan menyediakan latihan teknikal, kemahiran insaniah, serta pengalaman dunia sebenar, bagi mempersiapkan peserta untuk menyumbang kepada pertumbuhan masa depan sektor ICT negara. Kumpulan Ketiga TechXPLORE dirancang untuk dibuka bagi pendaftaran pada tahun 2026.

UBD - OSCO SDN. BHD. PERKUKUH PERKONGSIAN MAJUKAN PENDIDIKAN, PENYELIDIKAN



MAJLIS Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan OSCO Sdn. Bhd. diadakan di Kampus UBD.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Jumaat, 17 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan OSCO Sdn. Bhd., pada majlis yang diadakan di Kampus UBD.

Kerjasama tersebut mencerminkan komitmen berterusan UBD untuk mengukuhkan perkongsian akademia-industri dalam memajukan pendidikan, penyelidikan dan inovasi.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, dan Pengurus Projek OSCO Sdn. Bhd., Jimmy Chan.

Penandatanganan tersebut disaksikan oleh Pengarah Pusat

Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L), UBD, Profesor Madya Dr. Jose Hernandez Santos dan Pegawai Undang-undang OSCO Sdn. Bhd., Siti Nurhakimah Haji Abdul Hamid.

Di bawah MoU tersebut, UBD dan OSCO akan meneroka kerjasama dalam beberapa bidang utama, termasuk Penyelidikan Kolaboratif: Projek bersama, seminar, kerja lapangan dan penerbitan dalam teknologi tenaga suria, sistem tenaga boleh diperbaharui, pembinaan mampan dan reka bentuk bangunan cekap tenaga, menggabungkan kepakaran penyelidikan UBD dengan pengalaman kejuruteraan dan infrastruktur OSCO.

Penglibatan Industri: Peluang untuk pelajar dan fakulti UBD untuk melibatkan diri dengan OSCO Sdn. Bhd. melalui lawatan tapak, penyelidikan gunaan, latihan dan penyeliaan bersama projek, mendapat pendedahan kepada amalan dunia sebenar dalam aplikasi kejuruteraan, pembinaan dan tenaga boleh diperbaharui.

Latihan Industri dan Perantisan:

PENEMPATAN pelajar UBD tersebut menawarkan pembelajaran langsung dalam pemasangan sistem awam, elektrik dan solar sambil meningkatkan kemahiran teknikal dan profesional mereka.

Penempatan pelajar UBD untuk latihan industri dan latihan amali Discovery Year di tapak projek OSCO, menawarkan pembelajaran langsung dalam pemasangan sistem awam, elektrik dan solar sambil meningkatkan kemahiran teknikal dan profesional mereka.

Kerjasama dalam Bidang Lain: Perluasan kerjasama ke dalam bidang lain yang saling menguntungkan seperti pembinaan kapasiti untuk rakyat Brunei dalam teknologi tenaga solar dan boleh diperbaharui, pembangunan program pensijilan kelayakan mikro dan profesional melalui C3L UBD, dan inisiatif bersama mengenai infrastruktur hijau, integrasi teknologi pintar, dan kelestarian alam sekitar.

Perkongsian itu juga boleh diperluaskan kepada jangkauan komuniti dan projek pembelajaran sepanjang hayat, menggalakkan kesedaran yang lebih luas tentang amalan pembangunan mampan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perkongsian strategik ini menyediakan platform untuk perkongsian pengetahuan, pembangunan kemahiran dan

kerjasama yang memberi manfaat kepada kedua-dua ahli akademik dan industri. Ia juga sejajar dengan usaha NBD untuk mengukuhkan pembangunan modal insan dan memupuk pertumbuhan yang dipacu inovasi dalam tenaga boleh diperbaharui dan sektor pembinaan mampan.

OSCO Sdn. Bhd. ialah penyedia perkhidmatan pembinaan dan kejuruteraan bersepadu, pelbagai disiplin yang menyediakan rangkaian penuh perkhidmatan awam, mekanikal dan elektrik.

Ditubuhkan pada tahun 1993, ia pada mulanya memberi tumpuan kepada kontrak kerja pembinaan awam dengan kementerian-kementerian kerajaan. Sejak itu, syarikat tersebut berkembang menjadi perusahaan pelbagai sektor, dengan projek yang merangkumi pembangunan perindustrian, komersial dan pelbagai jenis rumah kediaman, dan perkhidmatan yang pelbagai dalam pertanian, pengurusan kemudahan dan reka bentuk dalaman, menyumbang dengan ketara kepada infrastruktur Brunei dan landskap pembangunan mampan.



Kongsi kaedah ketahui mangsa jenayah pemerdagangan orang

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

SERAMAI 66 orang petugas menyertai taklimat jerayawara mengenai jenayah pemerdagangan orang yang dianjurkan oleh Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM) dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Oktober. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran dan inisiatif membanteras jenayah pemerdagangan orang di Negara Brunei Darussalam (NBD), Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM) dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah memberikan taklimat jerayawara mengenai jenayah pemerdagangan orang kepada 66 orang petugas barisan hadapan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Pihak Berkuasa Maritim Dan Pelabuhan Brunei Darussalam (Maritime and Port Authority Brunei Darussalam - MPABD), Muara.

Objektif utama taklimat



berkenaan diadakan adalah untuk mendidik serta memberi kesedaran kepada para peserta yang hadir tentang kaedah-kaedah dalam mengetahui mangsa yang berpotensi terlibat dalam jenayah

pemerdagangan di negara ini.

Pihak penguatkuasa dan agensi barisan hadapan adalah disarankan untuk sentiasa berwaspada dan mengenal pasti identiti tetamu yang

berkemungkinan terjebak dan dieksploitasi untuk menjadi mangsa pemerdagangan manusia.

Kerjasama pihak kakitangan hotel adalah diperlukan untuk

memainkan peranan serta mengatasi masalah pemerdagangan manusia dalam sama-sama membantu PPDB dalam memerangi jenayah berkenaan.

DAYANG SHAHRIFAH TERIMA ANUGERAH PUTERI MAHA CHAKRI



BANGKOK, Khamis, 16 Oktober. - Majlis Penganugerahan Puteri Maha Chakri (Princess Maha Chakri Award - PMCA) Ke-6 telah diadakan pada 15 Oktober 2025 di

Bangkok, Thailand. Hadir ke majlis penganugerahan tersebut yang disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Puteri Maha Chakri Sirindhorn ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.



DAYANG Shahrifah binti Haji Mohd. Shahlan, penerima PMCA dari NBD.

PMCA diadakan setiap dua tahun untuk mengiktiraf guru-guru cemerlang dan memartabatkan profesion perguruan. Anugerah ini turut menghargai guru-guru yang berjaya mengubah kehidupan pelajar dan memberi impak yang signifikan kepada komuniti.

Pada tahun ini, anugerah ini diberikan kepada para pemimpin dan guru daripada 14 buah negara, iaitu Negara Brunei Darussalam (NBD), Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman hadir (gambar atas kiri) di majlis penganugerahan berkenaan yang telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Puteri Maha Chakri Sirindhorn (atas).

Rakyat Lao, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Republik Sosialis Viet Nam dan Timor-Leste.

Buat julung kalinya, anugerah ini turut diperluaskan kepada tiga buah negara baharu, iaitu Republik Rakyat Bangladesh, Bhutan dan Republik Rakyat Mongolia.

Penerima PMCA dari NBD ialah Dayang Shahrifah binti Haji Mohd. Shahlan, seorang guru dari Pusat Tingkatan Enam Sengkong yang telah berkhidmat selama 22 tahun.

Beliau telah memperkenalkan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran inovatif yang dinamakan *blended experiential learning* yang telah memberikan impak signifikan terhadap

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

peningkatan pencapaian pelajarannya.

Pendekatan tersebut telah dikembangkan menjadi program latihan yang komprehensif dan rangka kerja perancangan pengajaran yang kini dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh NBD.

Beliau telah menerima pelbagai anugerah berprestij termasuk Anugerah Guru Cemerlang sempena Sambutan Hari Guru Ke-33 pada tahun 2023 dan Anugerah Penghargaan (Special Mention) sempena Sambutan Hari Guru Ke-30 pada tahun 2010.

Selain itu, beliau turut menerima

pengiktirafan antarabangsa seperti Microsoft Innovative Teachers Award serta pensijilan Google Educator dan pemenang 6th Asia Pacific Regional Innovation Education Forum di Singapura pada tahun 2010.

Semasa majlis tersebut, beliau turut menyertai sesi forum di mana beliau telah mengongsikan tentang kepentingan *blended experiential learning* dalam memupuk *future-ready learners*, serta peranan guru sebagai pemangkin kepada pembelajaran yang aktif dan berkesan. Turut sama menghadiri majlis tersebut ialah pegawai - pegawai dari Kementerian Pendidikan NBD.

Menangani tekanan hidup melalui keseimbangan diri



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir di majlis tersebut.

TUTONG, Khamis, 16 Oktober. - Bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia yang disambut setiap tahun pada 10 Oktober, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Tutong pagi tadi telah mengadakan sambutan berkenaan bertempat di Bangunan National Isolation Centre Extension (NICE), Hospital PMMPMHAMB Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Pegawai Tugus-Tugas Khas Tingkat II (SkiPPA Keugamaan), Awangku Muhammad Hafiz bin Pengiran Haji

Rusnan, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat I, Hospital PMMPMHAMB Tutong, Dayang Hajah Siti Hasrainah binti Haji Md. Hassan.

Sebagai pengisian utama majlis, satu forum bertajuk 'Kesedaran Kesihatan Mental dalam Perspektif Perubatan dan Islam' telah diadakan yang mengetengahkan kepentingan keseimbangan antara kesihatan fizikal, mental dan spiritual dalam menghadapi tekanan hidup.

Forum tersebut disampaikan oleh dua ahli panel jemputan daripada Pusat Da'wah Islamiah iaitu Awang Muhammad Yusri bin Haji Abdul Majid dan Awang Abdul Khaliq bin Awak serta Pengiran Dr. Hajah Fariza Suryani binti Pengiran

Dato Paduka Haji Sani dari Jabatan Perkhidmatan Psikiatri.

Bertindak selaku moderator forum ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II (SkiPPA Keugamaan), Dayang Hajah Nur Hazimah binti Haji Mohd. Yassin.

Tetamu kehormat dan para jemputan yang hadir turut berpeluang menyaksikan pameran Hari Kesihatan Mental Sedunia yang memaparkan maklumat dan sumber sokongan berkaitan kesihatan mental serta perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Sambutan Hari Kesihatan Mental merupakan inisiatif global untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu kesihatan mental dan kesejahteraan emosi.

Sambutan tahun ini membawa tema 'Akses kepada Perkhidmatan Kesihatan Mental Ketika Menghadapi Musibah dan Kecemasan', selaras dengan tema global bagi tahun 2025.

Dalam persekitaran hospital, aspek kesihatan mental amat penting kerana para pesakit dan petugas kesihatan sering berhadapan dengan tekanan fizikal, emosi dan psikologi.

Dari perspektif Islam, kesejahteraan mental merupakan sebahagian daripada kesihatan menyeluruh. Islam menekankan keseimbangan hidup, ketabahan (sabr) dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta keperluan mendapatkan bantuan ketika menghadapi tekanan.

Antara objektif penganjuran

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga hospital tentang kepentingan kesihatan mental dan kesejahteraan emosi; memahami kesihatan mental sebagai sebahagian daripada kesihatan rohani yang dituntut dalam Islam; mengurangkan stigma terhadap individu yang mengalami masalah kesihatan mental melalui pendidikan dan pendekatan berempati.

Selain itu juga, menyediakan platform sokongan rohani dan psikososial kepada kakitangan dan pesakit melalui forum, ceramah dan aktiviti interaktif; mendorong amalan penjagaan diri dan keseimbangan hidup dalam kalangan warga hospital dan meningkatkan kesedaran spiritual dengan menerapkan nilai-nilai Islam seperti sabar, tawakal dan

ukhuwah dalam menangani cabaran emosi dan mental.

Kementerian Kesihatan mengiktiraf kepentingan kesihatan mental sebagai salah satu komponen utama dalam kesejahteraan hidup yang menyeluruh.

Inisiatif seperti Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia ini diharap dapat memperkukuhkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan masyarakat serta menggalakkan individu untuk mendapatkan sokongan dan bantuan apabila diperlukan.

Turut hadir, jemputan-jemputan khas iaitu ketua-ketua pegawai eksekutif bagi seluruh daerah, ketua-ketua cawangan Daerah tutong, pengetua sekolah-sekolah menengah Daerah Tutong dan pegawai serta kakitangan Hospital PMMPMHAMB Tutong.



JERAYAWARA BARIGAKAN MATLAMAT, OBJEKTIF TABUNG DANA MASJID



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir pada majlis tersebut (kanan), manakala gambar atas, sesi penerangan telah disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

BERAKAS, Khamis, 16 Oktober. - Bagi memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai penubuhan serta peranan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam (NBD), Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Urus Setia Tabung Dana berkenaan mengunyahkahkan dan melaksanakan jerayawara pembedaan mengenainya ke kementerian-kementerian di negara ini.

Jerayawara tersebut disasarkan

khusus kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang mula berkhidmat sejak tahun 2020 hingga kini bagi menjelaskan matlamat dan objektif penubuhan tabung berkenaan.

Jerayawara Pembedaan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah diadakan di Dewan Teater Utama, JPM, petang tadi.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal

Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (SkiPPA), JHEM, Awang Mohammad Irfan bin Irwan.

Seterusnya, sesi penerangan mengenai Tabung Dana telah disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Sesi penerangan tersebut merangkumi sejarah dan tujuan penubuhan tabung, mekanisme kutipan dana, proses pemotongan gaji, statistik jumlah kutipan serta perancangan projek yang telah dan akan dilaksanakan.


Jerayawara turut disusuli dengan sesi soal jawab dan perbincangan yang memberi peluang kepada para peserta mendapatkan penjelasan lebih lanjut dan berkongsi pandangan. Program diakhiri dengan penyertaan kuiz interaktif.

Dengan tertubuhnya Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD, umat Islam di negara ini berpeluang meraih ganjaran pahala yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang-orang yang membina masjid.

Tabung ini merupakan wadah kekal bagi umat Islam untuk menabung pahala melalui pembinaan masjid, sekali gus menjadi peluang keemasan untuk 'bertanam saham' di akhirat.



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



Mengukuhkan komitmen menyediakan produk Shell berkualiti tinggi, tulen



PARA pemenang semasa sesi bergambar ramai pada Shell Helix Gala Night yang berlangsung di Hotel Mulia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Oktober. - Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. (BSM) baru-baru ini mengadakan Shell Helix Gala Night yang berlangsung di Hotel Mulia, di sini. Majlis berkenaan diadakan sebagai penghargaan BSM terhadap kesetiaan dan kepercayaan pelanggan terhadap produk pelincir Shell.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah bagi Kempen

'Rewards With Shell' bagi Pusingan Kedua.

Pada majlis berkenaan, Awang Abdul Qadir Al Aziz Zaidi diumumkan sebagai pemenang hadiah utama, iaitu berupa pakej percutian bagi dua orang ke Republik Indonesia.

Penyampaian hadiah disampaikan oleh Pemangku Pengurus Pemasaran dan Komersial BSM, Erdiana Rahim.

Para pemenang lain turut

membawa pulang hadiah-hadiah menarik termasuk telefon pintar bernilai sehingga BND1,800, baucar membeli-belah bernilai BND1,000, baucar perabot bernilai BND1,000, Smart TV bernilai sehingga BND800 serta hadiah sagu hati berupa Shell Helix Ultra dan barangan cenderamata.

Kempen berkenaan akan diteruskan lagi dengan cabutan hadiah pusingan akhir yang dijadualkan berlangsung pada



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

November 2025.

Pelanggan digalakkan untuk mengambil bahagian dengan membeli pelincir Shell terpilih daripada stesen Shell yang sah, bengkel atau pengedar kereta.

Setiap produk pelincir Shell tulen mempunyai pelekat 'Untuk Pasaran Brunei' yang mengandungi kod QR.

Dengan mengimbas kod QR berkenaan, pelanggan boleh mengesahkan ketulenan pembelian mereka dan mendaftar untuk cabutan akan datang.

Inisiatif berkenaan mengukuhkan lagi komitmen BSM dalam menyediakan produk Shell

yang berkualiti tinggi dan tulen kepada pengguna di negara ini serta menawarkan nilai tambah melalui peluang ganjaran.

Kempen 'Rewards With Shell' berkenaan ditubuhkan atas kejayaan promosi tahun-tahun sebelumnya dan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan BSM untuk menyampaikan produk yang dipercayai, penglibatan yang bermakna, serta ganjaran yang berbaloi kepada para pemandu di Negara Brunei Darussalam.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi Stesen Shell atau ikuti @bruneishellmarketing di Instagram dan Facebook.

BERKONGSI PENGALAMAN, CABARAN BERSAMA BELIA TEMPATAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad



SUASANA pada Jejalah Kerjaya 2025 dengan perkongsian mengenai 'i-Ready Success Stories' berlangsung di Dewan 2, BRIDEX (atas dan kiri).

JERUDONG, Jumaat, 17 Oktober. - Dalam usaha berterusan untuk memperkasa belia tempatan dan membina tenaga kerja yang berdaya saing, Jejalah Kerjaya 2025 hari ini mengadakan perkongsian mengenai 'i-Ready Success Stories' berlangsung di Dewan 2, BRIDEX, di sini.

Perkongsian berkenaan mengetengahkan pencapaian peserta i-Ready yang berjaya menempatkan diri dalam pelbagai sektor profesional di negara ini.

Pada acara berkenaan, perkongsian mengenai 'Early Career Journeys - Lessons from

Apprenticeship' dibincangkan oleh Procurement Executive, Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Atiqah Amali; HR Assistant, Unified National Network (UNN), Nurain Ahmad; Junior HR Business Partner, Human Capital & Corporate Services, Brunei Engineering, Logistics and Training Solutions (BELTS), Wafi Ahmad; Systems Analyst / Operations Department, National Digital Payment Network (ndpx), Mawaddah Hasnan; dan Head of Talent Strategy & Acting Vice President - Human Capital (Progresif Sendirian Berhad), Hazirah Sazalee selaku

moderator.

Sementara itu, perkongsian mengenai 'Future-Ready Skills - What Apprenticeship Taught Me Beyond the Job Description' pula dibincangkan oleh Junior Investment Associate, Darussalam Assets (DA), Hakim Ridzuan; Junior HR Business Partner, BELTS, A'isyah Haji Ja'afar; dan Data Analyst / Business Development, DST Managed Services (DMS), Mervin Chung.

Acara berkenaan bertujuan untuk berkongsi pengalaman, cabaran dan kejayaan serta memberi inspirasi kepada belia tempatan untuk terus berusaha dan

memanfaatkan peluang yang disediakan oleh kerajaan melalui inisiatif i-Ready.

Jejalah Kerjaya 2025 akan diadakan hingga 19 Oktober 2025 di Dewan 1 dan 2, BRIDEX, Jerudong dengan melibatkan sebanyak 90 pempamer yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta.

Sepanjang acara berkenaan berlangsung, pelbagai aktiviti menarik telah disusun untuk para pengunjung seperti pendaftaran akaun Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) dan pengaktifan akaun e-Darussalam, Konsultasi

Curriculum Vitae (CV) dan temu duga, pameran daripada syarikat-syarikat, temu duga terbuka, pelbagai taklimat dan sesi perkongsian daripada pakar industri, Career Discovery Hub, permainan, pertandingan menarik dan cabutan bertuah.

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi PPB melalui WhatsApp +673 7291785 atau +673 8239933 dan ikuti akaun Instagram di @jobcentrebrunei bagi maklumat terkini mengenai Jelajah Kerjaya dan muat turun Buku Panduan Jelajah Kerjaya 2025 di laman sesawang www.jobcentrebrunei.gov.bn.

BEDB laksana pelbagai inisiatif bantu usahawan tempatan

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami



dalam perjalanan mereka.

Perkara itu antara yang dikongsikan oleh Penolong Pengurus, BEDB, Dayang Ameliah Wati binti Dato Jock Lin semasa menyampaikan forum kongsi sama bertajuk 'Creating Opportunities: How BEDB Helps You Start and Grow Your Business' sebagai salah satu pengisian menarik pada Program Jelajah Kerjaya 2025 bagi hari kedua yang berlangsung di Dewan 2 BRIDEX, di sini.

Selain itu, beliau turut menyentuh bahawa sebagai sokongan kewangan, Skim Padanan Bersama atau Co-Matching Scheme BEDB membantu golongan usahawan tempatan memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

Di bawah skim itu, jelasnya, BEDB membiayai sehingga 70 peratus daripada kos projek yang layak, manakala pemilik perniagaan menyumbang 30 peratus. Ia menyokong kedua-dua syarikat pemula dan perusahaan mapan yang ingin berinovasi, meningkatkan atau mencapai pasaran baharu.

Dayang Ameliah Wati juga menambah sebagai usaha membantu produk tempatan menjangkau para pelanggan, Bruneian Made Hub di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong dan rak-rak pasar raya khas Bruneian Made mempamerkan produk keluaran Brunei dengan bangganya meliputi daripada produk jenis makanan, barangan kesihatan sehingga barangan isi rumah (household items).

Langkah ini sekali gus menyerlahkan lagi jenama tempatan di mata masyarakat di negara ini bukan hanya penduduk

tempatan bahkan juga para pelancong. Selain itu, BEDB juga terus menyokong penyertaan dalam ekspo dan kerjasama untuk membuka peluang pasaran baharu.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan dengan adanya latihan, pembiayaan, pendedahan runcit dan sokongan nasihat melalui Business Helpdesk BEDB, pihak BEDB terus memupuk ekosistem yang *vibrant* untuk

golongan usahawan berkembang maju.

Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri menganjurkan Jelajah Kerjaya 2025 yang dibukakan kepada orang ramai, khususnya para pencari kerja bermula kelmarin sehingga Ahad, 19 Oktober 2025, dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, dengan penutupan sementara pada Jumaat dari jam 11.30 pagi hingga 2.00 petang,

bertempat di Dewan 1 & 2, BRIDEX, Kampung Jerudong.

Dalam pada itu, penganjuran acara ini bukan sahaja menjadi platform bagi menemukan pencari kerja dan majikan, malah ia juga menzahirkan semangat kolaborasi antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat dalam memperkukuh ekosistem pekerjaan yang inklusif dan mampan di Negara Brunei Darussalam.

SALAH seorang pembentang semasa menyampaikan ucapannya.

JERUDONG, Jumaat, 17 Oktober. - Tahukah awda bahawa 97.6 peratus daripada perusahaan Brunei adalah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)? Mereka adalah nadi ekonomi kita dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) terus membantu lebih ramai rakyat Brunei mengubah idea mereka menjadi perniagaan yang mampan.

Melalui inisiatif seperti Micro Bootcamp, Accelerate Bootcamp dan Industry Business Academy (IBA), usahawan boleh memperoleh kemahiran praktikal dalam perancangan perniagaan, pemasaran dan pengurusan kewangan.

Rangkaian Mentor untuk Usahawan Brunei (Brunei Mentors for Entrepreneurs Network - BMEN) juga menghubungkan pemilik perniagaan dengan mentor yang boleh membimbing mereka

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Peranan Sedekah Dalam Pembentukan Sahsiah Murni'. Tarikh Tutup : 22 Oktober 2025
2. 'Kesan Buli Terhadap Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 29 Oktober 2025
3. 'Kawal Tekanan, Lindungi Jantung Awda'. Tarikh Tutup : 5 November 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MEMPERKUKUH HUBUNGAN PENDIDIKAN, MEMPERLUAS PEMAHAMAN BUDAYA



PROGRAM Lawatan Imersi selama dua hari bertujuan memperkukuh hubungan pendidikan, memperluas pemahaman budaya dan memupuk persahabatan dalam kalangan pelajar dan guru rantau ASEAN.

pembelajaran terbaik di SMB dan meneroka peluang kerjasama masa depan termasuk projek pelajar bersama dan pembangunan profesional para guru.

Pada hari pertama, delegasi PRSS disambut dengan penuh tradisi Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui persembahan budaya melibatkan persembahan hadrah, bunga manggar, dan bunga rampai.

Sesi diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua SMB dan wakil PRSS diikuti dengan tayangan video korporat serta pertukaran cenderamata antara kedua-dua belah pihak.

Pelajar PRSS kemudiannya menyertai aktiviti imersi bilik darjah termasuk pameran Sains dan Reka Bentuk dan Seni (Art & Design Exhibition), diikuti dengan aktiviti kebudayaan seperti demonstrasi penyediaan makanan tradisional

NBD, iaitu menumpah ambuyat dan menyucur penyaram serta permainan tradisional Pasang.

Sesi diteruskan dengan persembahan tarian tradisional (Mukun) oleh pelajar SMB dan aktiviti persahabatan serta kolaborasi anjuran pelajar PRSS.

Majlis penutupan disempurnakan oleh Timbalan Pengetua Akademik SMB, Awang Rosman bin Haji Kasah yang turut menyampaikan ucapan penghargaan dan refleksi daripada pelajar kedua-dua buah sekolah.

Sementara pada sebelah petang pula, rombongan PRSS menyertai aktiviti riadah mendaki di Tasek Lama.

Manakala pada 14 Oktober 2025, rombongan mengikuti lawatan ke Eco Ponies Garden di Lamunin, Tutong, bagi menyertai demonstrasi masakan tradisional, permainan kampung, serta penerokaan amalan pertanian lestari dan projek komuniti yang menekankan nilai kerjasama serta kelestarian alam sekitar.

Program dua hari berkenaan berjaya memperkukuh semangat persahabatan dan pertukaran budaya antara NBD dan Republik Singapura, di samping memberi inspirasi kepada pelajar untuk terus berinovasi dalam bidang pendidikan dan Science, Technology, Engineering, Art, Mathematics (STEAM).

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Berakas

BERAKAS, Rabu, 15 Oktober. - Sekolah Menengah Berakas (SMB) telah menerima kunjungan rasmi dari Pasir Ris Secondary School (PRSS), Republik Singapura, dalam satu Program Lawatan Imersi selama dua hari yang bertujuan memperkukuh hubungan pendidikan, memperluas pemahaman budaya dan memupuk persahabatan dalam kalangan pelajar dan guru rantau

ASEAN.

Program berkenaan melibatkan 30 pelajar, iaitu lapan pelajar lelaki dan 22 pelajar perempuan, berserta empat guru dari PRSS dan diketuai oleh Lead Teacher, Sarifah Tamsir; Year Head Lower Secondary, Parvin Bibi Marican; Education Officer, Desmond Ng; dan Education Officer, Zachaty Loh.

Program berkenaan turut

disertai oleh Pengetua SMB, barisan pengurusan kanan, guru-guru serta rakan pelajar (*buddy students*) SMB.

Objektif Program Lawatan Imersi berkenaan ialah untuk mengukuhkan hubungan pendidikan dan budaya antara SMB dan PRSS, memberi peluang pertukaran akademik dan budaya yang bermakna kepada pelajar dan guru kedua-dua sekolah, membolehkan tetamu PRSS meninjau amalan pengajaran dan

Kesiapsiagaan hadapi krisis, keupayaan tindak balas di NBD



PARA peserta Tabletop Exercise bergambar ramai pada acara berkenaan dan sekitar acara yang berlangsung selama tiga hari bermula 23 hingga 25 September 2025 (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Oktober. - Dalam usaha bersama untuk melindungi dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan Negara Brunei Darussalam (NBD), Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP) bersama dengan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) serta agensi-agensi di bawah Pelan Tindakan Tumpahan Minyak Kebangsaan Brunei Darussalam (NOSCOP) telah mengadakan Tabletop Exercise selama tiga hari bermula 23 hingga 25 September 2025 yang lalu.

Latihan ini menghimpunkan lebih daripada 270 pakar daripada lebih 30 agensi tempatan dan antarabangsa bagi menyelaraskan usaha serta menekankan kepentingan kesiapsiagaan menghadapi krisis dan keupayaan tindak balas di NBD serta kerjasama dengan negara jiran dan agensi tindak balas kecemasan. Acara ini juga bertujuan untuk menguji koordinasi pemulihan selepas insiden.

Latihan ini turut disokong oleh Shell's Oil Spill Expertise Centre

(OSEC), Shell Global Response Support Network (GRSN) dan entiti berkaitan serta penyedia perkhidmatan kecemasan profesional dan kontraktor.

"Keselamatan adalah keutamaan kami. Namun, sebagai pengendali minyak dan gas yang bertanggungjawab, kami juga perlu memastikan bahawa kami bersedia dan terlatih untuk menghadapi sebarang kecemasan yang mungkin memberi kesan besar kepada negara kita termasuk rakyatnya," ujar Pengarah Urusan BSP, Johan Atema.

"Ini merupakan pendekatan menyeluruh seluruh negara bagi memastikan bahawa dalam sebarang kejadian serius, kita mempunyai keupayaan untuk mengendalikannya dan mengurangkan kesannya. Melaksanakan simulasi seperti ini dan memastikan kita semua dapat bekerjasama dengan lancar apabila diperlukan adalah amat penting," tambahnya lagi.

Beliau menambah cara terbaik untuk membuat persediaan menghadapi krisis adalah ketika

tiada krisis berlaku, di mana kita boleh menjalankan latihan kering dan belajar daripada proses itu.

Kemudian terang beliau, kita melaksanakan latihan dan membuat persiapan bagi menghadapi sebarang kejadian besar yang tidak diingini, serta menilai keupayaan kita untuk bertindak balas.

"Keupayaan ini bukan sesuatu yang mudah dipelajari, ia perlu diasah melalui latihan dan kerjasama bersama semua pihak yang terlibat, seolah-olah dalam situasi krisis sebenar.

"Saya bersyukur kerana kita telah diberikan peluang ini, dengan sokongan dan kerjasama yang amat memberangsangkan daripada semua agensi kerajaan. Ini membuktikan bahawa kita mampu bekerjasama ke arah matlamat bersama, untuk memastikan NBD kekal selamat dan bersih," jelasnya.

Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman merangkap Pengerusi NOSCOP turut menyuarakan pandangan serupa.

"Alhamdulillah, hari ini kita diberi

Siaran Akhbar dan Foto : Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.

peluang untuk menguji keupayaan dan kapasiti kita antara agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat sektor swasta dalam menangani krisis secara bersama dengan berkesan.

"Latihan ini bukan sekadar untuk menguji pelan dan prosedur kita tetapi juga untuk menunjukkan

komitmen bersama dalam melindungi khazanah maritim NBD yang berharga, serta melaksanakan tanggungjawab ini secara bersatu mempamerkan kesinambungan kesiapsiagaan operasi kita, kesatuan dalam matlamat, dan kejelasan dalam hala tuju," jelasnya.





**JABATAN KASTAM DAN EKSais DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Rujukan Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-25
Tempahan Dan Pembekalan Tudung Bagi Pegawai Dan Kakitangan Wanita Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Rujukan Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-26
Tempahan Dan Pembekalan Pakaian Beristiadat (Ceremonial) Untuk Pegawai-Pegawai Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2025-27
Tempahan Dan Pembekalan Kelengkapan Pakaian Seragam Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Tawaran Untuk Berniaga Di Petak Jualan Di Pusat Hortikultur Rimba, Gadong

Bilangan:
07 / 2025

Tawaran bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapi permohonan bagi menyewa di Petak Jualan seperti berikut :-

Lokasi:
Pusat Hortikultur Rimba, Gadong
Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Petak:
A1

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan penjualan tanaman hiasan, semaian serta barang-barang input pertanian yang berkaitan

Bilangan:
08 / 2025

Tawaran bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapi permohonan bagi menyewa di Petak Jualan seperti berikut

Lokasi:
Pusat Hortikultur Rimba, Gadong
Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Petak:
A2

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan penjualan tanaman hiasan, semaian serta barang-barang input pertanian yang berkaitan

Tempoh iklan:
4 minggu



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 082 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Maintenance Of Street Lightings For Mukim Keriam, Pekan Tutong, Kiudang And Lamunin In Tutong District For A Period Of Three (3) Years

Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 083 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Maintenance Of Street Lightings For Mukim Tanjong Maya, Telisai, Rambai And Ukong In Tutong District

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan mempunyai kategori E01 dan E02 dalam Kelas 3, 4 atau 5 sahaja.

Dokumen tawaran dan penerangan - penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Kaunter Unit Tawaran Dan Sebut Harga, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam**



Tarikh mula iklan:
Rabu,
8 Oktober 2025

Tarikh berakhir iklan:
Sabtu,
8 November 2025

Tarikh akhir menghantar:
Sabtu,
22 November 2025
sebelum jam 3.00 petang

Harga penjualan borang:
BND1.00 / borang

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 089 / 2025

Tajuk Tawaran:
Provision Of Oil Filtration Services For Selective 66KV Transformers For A Period Of Two Years

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 November 2025
2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 3, 4 Atau 5 Dan Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari

Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DA / JKSH / 113 / 2025 / 2026 [BPPA-OKT-2025]
Sebut Harga Pembekalan Jamuan Bagi Ahli Jawatankuasa Asian School Games Kali Ke 14, Tahun 2025

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 1 November 2025
Jam 9.00 Pagi



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 078 / 2025

Tajuk:
Supply And Delivery Of Air Inlet Filter Cartridges For GTG9 And GTG10 At Lumut Power Station

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Menteri Besar

Kelayakan:
Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

Kategori:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kategori P05 Dan Berdaftar Di Bawah Akta Syarikat - Syarikat - Penggal 39 Dan Memiliki Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian Yang Sah

Kelas:
-

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMK / JKSH / 2025-2026 / 015
Tawaran Bagi Supply, Installation And Commissioning Of LED Street Lighting For Darulifta' Building Compound Area, State Mufti's Office, Prime Minister's Office, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu, 25 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang




**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 49
"Supply and Delivery of Brunei
Tourism Merchandise"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
13 November 2025,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 51

Tajuk Tawaran:
Event Management Services
For UN Tourism Regional
Workshop In Brunei Darussalam
Welcoming Dinner
For November 18, 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
23 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi:

Membekal Dan Menghantar Baju
Hujan (*Rain Coat*) Complete With
Reflector Dan Wording
(Ruj: JBP / TSH / 34 / 2025-2026)

Membekal Dan Menghantar
Moulded Shoes For Male
(Ruj: JBP / TSH / 35 / 2025-2026)

Membekal, Memotong Dan
Menjahit Pakaian Seragam
Bomba
(Ruj: JBP / TSH / 36 / 2025-2026)

Membekal Dan Menghantar
Peak Cap
(Ruj: JBP / TSH / 37 / 2025-2026)

Membekal Dan Menghantar
Moulded Shoes For Female
(Ruj: JBP / TSH / 38 / 2025-2026)

Supply, Dismantle And Install Of
New Aircond To Make All
Necessary Works And
Accessories
(Ruj: JBP / TSH / 39 / 2025-2026)

Supply And Install Of Boltless
Rack
(Ruj: JBP / TSH / 40 / 2025-2026)

Membekal Dan Mencetak Borang,
Letterhead, File, Buku Dan
Envelop Urusan Kerajaan
(Ruj: JBP / TSH / 41 / 2025-2026)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 30 Oktober 2025
1.50 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
B01 & M02 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
21 Oktober 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
4 November 2025
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 044 / 2025

Nama Projek:
Penggantian Bahan Lantai,
Overhead Crane Dan
Pembersihan Cermin Di Loji
Rawatan Air Mengkubau Dan
Empangan Air Mengkubau,
Jabatan Perkhidmatan Air

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**JABATAN ADAT
ISTIADAT NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JAIN / 6 / 2019 – 2025 (01)

Tajuk Tawaran:
The Provision Of Security
Services Of Jabatan Adat
Istiadat Negara For A Period
Of 36 Month Of Calendar Year

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa
28 Oktober 2025
Jam 2.00 petang

**Tempat Menghantar
Tawaran:**
Peti Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan BB3913,
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Telephone Connection Works Of
Copper-To-Fibre Migration For
Kuala Belait and Seria Municipal
Department Buildings' UNN
Telecommunication Lines

**34 / BBS / SH / BKA /
2025 - 2026**

Sebut Harga Membaiki Kerosakan
Sinta dan Atap Pada Tandas
Awam Jubli Perak,
Jalan Maulana Kuala Belait

**35 / BBS / SH / BKA /
2025 - 2026**

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam
(Kelas I dan II Kategori KA01)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
21 Oktober 2025
(Selasa)


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bil. Tawaran:
KHEU / JPI / JKS / 09 /
2025 - 2026

Keterangan:
Membekal dan Menghantar
Bahan-Bahan Kimia
Bagi Makmal Sains, Sekolah
Tinggi Arab Hassanal Bolkiah
(STAHB),
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1447H-1448H /
2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
30 Rabiulakhir 1447H /
22 Oktober 2025M
Tidak lewat
jam 2.00 petang.



Bil. Tawaran:
KHEU / JPI / JKS / 10 /
2025 - 2026

Keterangan:
Membekal dan Menghantar
Peralatan Dan Perkakas
Bagi Makmal Sains, Sekolah
Tinggi Arab Hassanal Bolkiah
(STAHB),
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1447H-1448H /
2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
7 Jamadilawal 1447H /
29 Oktober 2025M
Tidak lewat
jam 2.00 petang.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri

Jawatan Kosong
Di Sekretariat, London,
United Kingdom

Jawatan:
Senior Director, Governance and
Peace Directorate

Kekosongan:
1

Tarikh Tutup:
24 Oktober 2025

Untuk makluman, permohonan
jawatan berkenaan bolehlah
dihadapkan melalui pautan :
<https://plusportal.perrettlaver.com/>



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
JPH / 1207-004 / TAW / 405 /
2025-2026

Penanaman Spesies Dipterocarp
Di Kawasan 10
(Seksyen 6, 7 & 8) Di Antara
Lembah Sungai Tutong Dan
Sungai Belait Inter Riverine Zone
(IRZ) Fasa 2

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
11 November 2025,
Jam 2.00 Petang

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika Belum Berdaftar):
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND500.00



KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran:
KKE / BTM / PROC /
2025 / 1 (R)

Tajuk Tawaran :
Pembekalan Barang Gunahabis
(Consumables) Toner Mesin
Mencetak Bagi Kegunaan
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi Selama Satu (1) Tahun
(Retender)

Yuran Tawaran / Dokumen:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
BND5.00 bagi yuran e-dokumen
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Khamis, 30 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengat verta sahaja / bidang kelulusan)

3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (GK, transkrip dan pengiktirafan Maja Kelengkapan Pengiktirafan Kelulusan (PKPK) yang berkenaan)

4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5. Lengkapkan Maklumat (taraf / perkhidmatan / perkhidmatan Perkhidmatan Awam / jabatan-bekas / kelengkapan profesional dan lain-lain yang dipergunakan di dalam skim iklan)

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEMBANTU TEKNIK PELATIH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN D.1-2 (BAHAGIAN IV) 2025/OCT/03/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	07	7(a)	25 OKTOBER 2025
2. KERANI / PENJALAN DDE JABATAN KERJA RAYA D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/OCT/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	03	7(a)	25 OKTOBER 2025
3. OPERATOR CONSOLE KEMENTERIAN PERTAHANAN E.2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/OCT/02/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	04	7(a)	25 OKTOBER 2025
4. PEKERJA TEKNIKAL JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2025/OCT/02/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(a)	25 OKTOBER 2025
5. PEKERJA TEKNIKAL TINGKAT I PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/OCT/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(a)	29 OKTOBER 2025

- PERINGATAN:
- BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 - PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAUW DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKILANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 - PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi
syarat kelayakan Skim Iklan akan tidak disenaraipendekkan

Info Penerimaan Iklan

Bilangan Iklan: 2022/HAJ/33 Bahagian: I

Jawatan: PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II Tarikh Gaji: 5.2 EB.3

Kementerian: KEMENTERIAN KERAJAAN, BELIA DAN SUKSES Kelengkapan: I

Jabatan: PUSAT SARAJAH BRUNEI Jenis Iklan: 7(a)

Unit: Tarikh Mula: 05 SEPTEMBER 2022 Tarikh Tutup: 23

KELAYAKAN MENYEMPAI

1. (A) PANDUAN 6.2 (B.1):

Sesuai Syarat: Maklumat mengenai jabatan, tarikh, dan lain-lain yang berkaitan dengan permohonan.

2. (A) TANGGAPAN 6.2 (B.1):

Sesuai Syarat: Maklumat mengenai jabatan, tarikh, dan lain-lain yang berkaitan dengan permohonan.

SKIM IKLAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang



سمبه ستيغني-تيغني منجونجوڭ كاسيه كهادهن مجلس
 كباوه دولي يغمها مليا قادك سري بكندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة
 ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين،
 سلطان دان يثدقرتوان نكارا بروني دارالسلام
 چنسلور كوليج يونيبرسيستي فركوروان اكام سري بكاون
 يغ تله بركنن براغكت برچمردولي دان ستروسن
 بركنن مغورنياكن تيته دان مغانوكرهكن اجازه
 دان ديقلوما دالم مجلس كونفوكيشن ك-١٥
 كوليج يونيبرسيستي فركوروان اكام سري بكاون
 هاري خميس، ٢٤ ربيع الاخير ١٤٤٧ هـ برسامان ١٦ اكتوبر ٢٠٢٥ م
 ديوان چنسلور، يونيبرسيستي بروني دارالسلام
 نكارا بروني دارالسلام

دسميهكن اوليه

اهلي-اهلي مجلس، رئيس دان سلوروه ورڭ
 كوليج يونيبرسيستي فركوروان اكام سري بكاون



مجلس
 كونفوكيشن
 MAJLIS KUNINGAN

كوليج يونيبرسيستي فركوروان اكام سري بكاون
 نكارا بروني دارالسلام

هاري خميس، ٢٤ ربيع الاخير ١٤٤٧ هـ برسامان ١٦ اكتوبر ٢٠٢٥ م
 ديوان چنسلور، يونيبرسيستي بروني دارالسلام

مجلس كونفوكيشن ك

MANFAATKAN ILMU, PENGALAMAN UNTUK MENJADI INSAN BERAKHLAK

■ Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami



AWANG Abdul Wafi bin Haji Abdul Rahman semasa ditemu bual.

berilmu, orang yang mengamalkan ilmu dan orang yang menyampaikan ilmu. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memudahkan segala urusan kita dalam menuntut ilmu.

Begitulah antara keyakinan yang diluahkan oleh salah seorang graduan penerima Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama dalam bidang Pendidikan Islam, Awang Abdul Wafi bin Haji Abdul Rahman ketika ditemu bual Pelita Brunei semasa berlangsungnya Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Ke-15 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

"Alhamdulillah dengan rezeki penerimaan ijazah ini dan saya juga ingin merakamkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan juga kerabat diraja kerana telah memberikan peluang kepada patik untuk meneruskan impian patik dalam melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi serta memperkenankan anugerah pengijazahan kedoktoran ini," luahnya.

Awang Abdul Wafi juga bertekad untuk memperjuangkan ilmu-ilmu berkaitan dengan kepimpinan perguruan agar sentiasa berteraskan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Tambahan lagi, berharap agar memperoleh pekerjaan yang tetap di masa akan datang dalam ambang kerjaya yang kompetitif.

Dalam pada itu, ketika mengimbas kenangan sepanjang meniti dunia pengajian tinggi sebelum ini, salah seorang graduan penerima Ijazah Sarjana Perguruan Ugama dalam bidang Syariah, Dayang Hannan Awaatif binti Kassim semasa ditemui menzahirkan sepanjang tempoh dua tahun pengajiannya pastinya diwarnai dengan suka dan duka lebih-lebih lagi berjuang bersama rakan-rakan.

"Berkongsi tawa dan air mata serta perjuangan menjadi kenangan paling bermakna yang membentuk diri saya menjadi seseorang yang lebih tabah, sabar dalam menuntut ilmu kerana Allah Subhanahu Wata'ala, bersemangat dan menghargai erti persahabatan sejati," luahnya yang berusia 26 tahun.

Dayang Hannan Awaatif turut menaruh harapan tulus untuk terus memberi sumbangan yang bermakna dalam dunia pendidikan, khususnya dalam bidang Syariah dan juga dapat memanfaatkan ilmu dan pengalaman yang diperoleh untuk membimbing generasi muda menjadi insan berilmu, berakhlak

mulia dan bertakwa.

"Perancangan saya seterusnya termasuk mencari peluang pekerjaan yang seiring dengan bidang pengajian, dan insyaaAllah, sekiranya diberikan rezeki dan kesempatan, saya juga bercadang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bagi memperkukuh lagi ilmu dan kepakaran dalam bidang ini," tambahnya.

Turut berkongsi luahan kesyukuran ialah Dayang Nur Hazirah binti Karim, penerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Bimbingan dan Kaunseling yang mana antaranya berkata kejayaan tidak mungkin dapat digapai sepenuhnya melainkan bersamanya diiringi dengan keberkatan doa insan-insan tersayang meliputi para ibu bapa, ahli keluarga dan juga golongan pendidik yang tidak putus-putus menjadi tulang belakang sepanjang meniti alam pengajian.

"Di sebalik sebuah perjuangan bertahun-tahun disirami dengan kesabaran pada jiwa dan raga, pastinya kepada Allah Subhanahu Wata'ala jugalah tempat berharap demi memohon segala yang diimpikan tercapai dengan lancar," luahnya tulus.

Bagi Dayangku Nur Iman As-Syaffa binti Pengiran Haji Mohd. Aliuddin, salah seorang graduan penerima Diploma Tertinggi Perguruan Ugama dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab antaranya menjelaskan sepanjang tiga tahun mengikuti pengajian di KUPU SB, beliau memperoleh pelbagai pengalaman berharga yang amat bermakna.

Setiap pemsyarah dengan tulus ikhlas menyampaikan ilmu daripada pelbagai bidang yang bukan sahaja berguna semasa belajar, tetapi juga dapat diterapkan dalam kehidupan seharian dan sebagai bekalan pada masa hadapan.

"Di luar bilik kuliah, saya turut aktif menyertai pelbagai aktiviti seperti pasukan beruniform, program kokurikulum pelajar asrama, dan program kemahiran hidup yang dianjurkan oleh pihak kolej. Aktiviti-aktiviti tersebut banyak membantu saya membina

keyakinan diri, kemahiran sosial, serta menambah pengalaman kehidupan sebenar sebagai pelajar dan bakal pendidik.

"Selain itu, latihan mengajar yang dijalani juga memberi saya peluang memahami cara sebenar mengajar, berhadapan dengan pelajar, dan mengurus suasana pembelajaran dengan berkesan. Semua pengalaman ini bukan sahaja mengasah kemampuan akademik, tetapi juga memperkukuh kemahiran diri dan pengalaman yang pelbagai sebagai persediaan untuk terjun ke alam kerjaya," kongsinnya.

Sementara itu, Dayangku Nurun Nadheerah binti Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim, salah seorang graduan penerima Diploma Tertinggi Perguruan Ugama dalam bidang Pendidikan Islam antaranya menjelaskan bahawa peluang menyertai pelbagai aktiviti akademik dan kokurikulum sepanjang tempoh pengajian antara pengalaman paling berharga kerana ia sememangnya mengasah kemahiran kepimpinan dan komunikasi dirinya.

Jelasnya, penglibatan dalam tugas berkumpulan dan program tarbiah telah membentuk keyakinan diri. Selain itu, persahabatan dan jaringan yang terjalin sepanjang pengajian juga sangat bermakna dan terus memberi sokongan hingga hari ini.

"Apabila berbicara mengenai sumber inspirasi utama saya ialah kedua ibu bapa yang sentiasa mendoakan dan memberi dorongan sepanjang pengajian ini. Saya ingin membalas jasa mereka dan membuktikan bahawa segala usaha kami berbaloi. Selain itu, saya juga terdorong oleh motivasi dalaman untuk membuktikan kepada diri sendiri bahawa saya mampu kerana saya yakin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya," ujar Dayangku Nurun Nadheerah.

Sebelum mengakhiri temu bual, beliau juga merakamkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas keberangkatan yang amat bermakna dan menjadi sumber semangat kepada para graduan.

TUNGKU LINK, Khamis, 16 Oktober. - Ilmu bak pelita dalam kehidupan seseorang manusia kerana tanpa ilmu nescaya manusia dapatlah diumpamakan seperti berdayung dalam sebuah sampan tanpa pengayuh dan tanpa hala tuju yang pasti.

Ilmu merupakan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang amat besar faedahnya kepada manusia untuk mencapai kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat, kerana tanpa ilmu pengetahuan, tidak akan berjaya dan maju sesebuah agama, bangsa dan negara itu.

Oleh itu, jangan terleka dengan kehidupan dunia fana yang penuh fatamorgana. Kehidupan dunia hanyalah persinggahan sementara menanti destinasi sebenar adalah akhirat. Justeru, jadilah orang yang



DAYANG Nur Hazirah binti Karim, Dayangku Nur Iman As-Syaffa binti Pengiran Haji Mohd. Aliuddin, Dayangku Nurun Nadheerah binti Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim dan Dayang Hannan Awaatif binti Kassim (dari kiri).

Sentuhan kreatif usahawan belia serikan Majlis Konvokesyen

TUNGKU LINK, Khamis, 16 Oktober. - Dalam suasana meraihan kejayaan di mana-mana majlis konvokesyen mahupun pencapaian akademik, variasi gubahan hadiah penuh kreativiti dan unik bagaikan menjadi kelaziman diberikan oleh ahli keluarga mahupun sahabat handai kepada golongan yang diraikan.

Tidak kiralah gubahan bunga atau belon diselitkan dengan pelbagai jenis coklat atau mungkin ada yang menyelitkan hadiah berharga lainnya, apa yang pasti semua itu umpama penyeri ketika si penerima memegangnya berserta sijil mahupun ijazah mereka ketika bergambar bersama insan-insan tersayang.

Namun di sebalik sentuhan pelbagai gubahan hadiah konvokesyen yang indah itu, satu hal yang membanggakan hadirnya golongan usahawan belia yang tetap yakin dan optimis serta berpegang kepada prinsip bahawa dunia berjual beli ini memiliki pasang surutnya namun mereka tetap bangkit bersama membawa seribu harapan demi meraih rezeki pendapatan dalam kehidupan

seharian.

Bagi Dayang Nurul Fatin Qistina binti Abdullah Haronah Rasid, 26 tahun, semasa berlangsungnya Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Ke-15 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), beliau telah menggubah hampir 100 gubahan pelbagai corak di bawah perusahaan yang dikenali dengan nama 'Qals.bn'.

Sebagai persediaan menuju ke majlis konvokesyen ini, beliau juga menjelaskan persediaan menghasilkan produk-produk jualan itu mengambil masa lebih kurang seminggu. Tiga jenis gubahan hadiah konvokesyen yang dihasilkan terdiri daripada gubahan bunga coklat bersama patung hiasan dihiasi dengan bunga kering, gubahan belon pelbagai saiz dan juga gubahan bunga dawai.

"Dengan adanya khidmat gubahan hadiah bagi musim konvokesyen sebegini dengan harga yang berpatutan, saya berharap ia menjadi asbab agar dapat mengeratkan lagi hubungan

persahabatan bersama para pelanggan serta mengukuhkan lagi silaturahim sekali gus berkongsi kebahagiaan kenangan terindah bersama mereka yang diraikan," kongsinnya yang telah memulakan perniagaannya pada tahun 2019 secara sepenuh masa.

Sementara itu, Tengku ili Syuhada binti Tengku Mustapa berusia 29 tahun turut dilihat menjalankan perniagaan gubahan hadiah kreatif di majlis berkenaan dengan mengetengahkan lima jenis gubahan hadiah khusus iaitu gubahan bunga sabun, gubahan bunga artifisial, gubahan bunga kering, patung hiasan konvokesyen dan juga gubahan belon.

Beliau yang menjalankan perusahaan secara sepenuh masa di bawah nama 'Sugar Artistry By El Company' sejak tahun 2023 itu juga mengongsikan sebanyak 70 gubahan hadiah telah dihasilkan sebagai persediaan mengikuti jualan di majlis konvokesyen tersebut.

"Bersyukur dengan limpahan rezeki daripada Allah Subhanahu Wata'ala selama ini. Walaupun kadangkala penat, namun berkat



DAYANG Nurul Fatin Qistina binti Abdullah Haronah Rasid dan Tengku ili Syuhada binti Tengku Mustapa semasa ditemu bual (atas kiri dan atas kanan).

sokongan dan dorongan daripada ahli keluarga dan saudara-mara yang tidak putus-putus, begitu juga sahabat handai serta para pelanggan setia, segala rasa itu hilang begitu sahaja. Merekalah insan-insan pencetus kejayaan saya selama ini," ucap Tengku ili Syuhada.

Di akhir pertemuan, insan ini dengan kerendahan hati turut memberi saranan khususnya

kepada golongan belia di luar sana yang ingin menceburkan diri dalam bidang keusahawanan agar sentiasa berfikir positif dan terokailah dunia keusahawanan meskipun secara kecil-kecilan, namun mestilah berbekalkan perancangan yang bijak dengan mengeluarkan produk atau barangan dengan daya kreativiti yang menarik dan unik di mata para pelanggan.

SEBUAH SYARIKAT DIKENAKAN DENDA KOMPAUN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Rabu, 15 Oktober. - Hasil daripada pemeriksaan dan rondaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong (JDT) telah mengeluarkan denda kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggag 30).

Syarikat berkenaan ialah San Hin Welding & Construction Sdn. Bhd. beralamat di G2 Bangunan Dy Napiah, Simpang 15 Jalan Gadong kerana melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (e) dan dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000. Syarikat tersebut telah melakukan kesalahan berkenaan berdekatan dengan jambatan di bahu jalan Kampung Keriam Tutong.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggag 30).

Jika gagal membayar denda berkenaan dalam masa tujuh hari daripada tarikh denda kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh diadapakan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000.

Sementara bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, JDT ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



SYARIKAT tersebut telah melakukan kesalahan berkenaan berdekatan dengan jambatan di bahu jalan Kampung Keriam Tutong.

Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

SUNGAI LIANG, Rabu, 15 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja buruh yang dilaporkan lari daripada majikan.


Laporan telah dibuat di Balai Polis Sungai Liang untuk mengesan seorang lelaki warganegara Indonesia iaitu Aji Julhakim berusia 38 tahun dengan nombor pasport C8802950.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai lelaki berkenaan boleh menghubungi Balai Polis Sungai Liang menerusi talian, +673 3230250 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau

mana-mana balai polis yang berdekatan.



AJI Julhakim berusia 38 tahun dengan nombor pasport C8802950.



ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

f bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Sentiasa pantau hal ehwal kebajikan pekerja

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

perkhidmatan secara bertulis.

Selain itu, turut didapati tiga kesalahan di bawah Bab 112(2) iaitu kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan buruh pertanian melakukan pekerjaan sebagai potong rumput, majikan yang menjamin gagal memberikan pekerjaan dan pekerja asing yang didapati bekerja sendiri secara bebas.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan diadapakan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis kepada pekerja, memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja di bawah jaminan selaras dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh dan pekerja-pekerja asing tidak dibenarkan bekerja secara bebas.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 193 / 2025 di kawasan perumahan Kampung Rimba pada 6 Oktober 2025 (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Oktober. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 193 / 2025 di kawasan perumahan Kampung Rimba pada 6 Oktober 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan,

Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan potong rumput dari rumah ke rumah telah mendapati sebanyak empat kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan dan pekerja iaitu Bab 10, pekerja tidak disediakan kontrak





Meniti Tekanan, Mencapai Harapan : Realiti mental remaja

Oleh : Nurin Nabihah @ NurHikmatol Nabihah Abu Bakar,
Penempatan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam di Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Ilustrasi : Meja Reka Kreatif, Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

REMAJA adalah golongan yang sedang meniti perjalanan penting dalam kehidupan di mana mereka berdepan pelbagai cabaran besar seperti tekanan akademik, hubungan sosial yang kompleks serta pengaruh media yang tidak terbatas. Justeru, isu kesihatan mental dalam kalangan remaja wajar diberikan perhatian yang serius kerana ia bukan sahaja berpunca daripada pelbagai faktor, malah mampu meninggalkan kesan mendalam terhadap kehidupan mereka. Malangnya, masih ada yang memandang ringan isu ini dan menganggapnya sekadar 'drama remaja'. Hakikatnya, kesihatan mental adalah perkara serius yang boleh menentukan masa depan individu bahkan mempengaruhi kemajuan negara. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO), hampir 1 daripada 7 remaja di seluruh dunia menghadapi masalah kesihatan mental, khususnya kemurungan dan keresahan satu angka yang cukup membimbangkan.

Faktor penyebab kesihatan mental remaja

Salah satu faktor menjadi sebab kepada kesihatan mental remaja ialah tekanan akademik. Dalam pendidikan dunia hari ini, sistem yang terlalu berorientasikan peperiksaan sering meletakkan beban besar ke atas bahu pelajar. Persaingan sengit untuk merebut tempat di universiti atau mendapatkan biasiswa menambahkan lagi rasa cemas dalam kalangan remaja. Lebih membimbangkan, kegagalan akademik sering disalah tafsir sebagai kegagalan hidup sehingga menyebabkan sebahagian remaja hilang motivasi dan keyakinan diri.

Selain itu, pengaruh media sosial juga menjadi faktor terhadap kesihatan mental remaja. Media sosial kini bukan sekadar ruang berkongsi maklumat, tetapi turut melahirkan budaya perbandingan hidup yang tidak sihat. Ramai remaja terjebak dalam

fenomena *life comparison*, membandingkan diri mereka dengan kehidupan yang ditonjolkan orang lain di alam maya. Lebih parah, isu seperti *body shaming*, buli siber, serta komen negatif mampu meruntuhkan keyakinan diri remaja.

Keluarga dan persekitaran juga menjadi faktor dalam kesihatan mental remaja. Konflik rumah tangga, penceraian atau kurangnya perhatian daripada ibu bapa boleh melemahkan sokongan emosi yang amat diperlukan oleh remaja. Ada juga ibu bapa yang meletakkan tekanan berlebihan dengan harapan tinggi, tanpa disedari ia boleh menimbulkan stres. Selain itu, persekitaran sosial yang toksik, seperti pengaruh rakan sebaya yang negatif, turut menyumbang kepada tekanan mental dan emosi remaja.

Kesan masalah kesihatan mental terhadap remaja

Masalah kesihatan mental boleh memberi kesan yang mendalam dan meluas terhadap kehidupan remaja. Dari segi akademik, remaja yang mengalami tekanan mental sering menghadapi kesukaran menumpukan perhatian dalam kelas. Mereka mudah terganggu, cepat letih ketika belajar, atau kerap ponteng sekolah kerana rasa tidak bermotivasi. Keputusan akademik yang menurun sering menambahkan rasa kecewa dan rendah diri, sekali gus menimbulkan kitaran tekanan yang berterusan.

Perubahan tingkah laku seperti menyendiri, murung, mudah marah atau memberontak juga biasa berlaku malah kadangkala mereka menolak sokongan kerana rasa tiada siapa memahami. Hubungan sosial turut terjejas apabila remaja renggang dengan keluarga, hilang minat bersosial dan berasa terasing. Kesihatan fizikal juga terjejas; tekanan kronik boleh mengganggu tidur, menyebabkan sakit kepala, keletihan dan gangguan selera makan. Tubuh yang tidak sihat seterusnya

menjejaskan prestasi harian mereka, sekali gus menimbulkan tekanan tambahan. Dalam kes yang lebih serius, remaja yang menghadapi tekanan mental mungkin terdorong kepada tingkah laku berisiko, termasuk penyalahgunaan dadah atau alkohol, perbuatan membahayakan diri sendiri atau bahkan percubaan bunuh diri.

Kesan jangka panjang masalah kesihatan mental juga tidak boleh dipandang ringan. Mereka mungkin menghadapi kesukaran mengekalkan pekerjaan, membina hubungan yang stabil, dan mencapai potensi diri. Lebih menyedihkan, beban psikologi yang tidak diurus boleh berlanjutan sehingga dewasa, menyebabkan kesan domino yang mempengaruhi kesejahteraan keluarga dan masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, menangani kesihatan mental remaja bukan sahaja penting untuk kesejahteraan individu, malah bagi memastikan masa depan negara yang lebih sihat dan produktif.

Mengatasi masalah kesihatan mental remaja

Komunikasi terbuka antara ibu bapa dan anak membolehkan remaja meluahkan perasaan tanpa rasa takut dihakimi. Ibu bapa juga perlu menyediakan sokongan emosi dengan mendengar secara sabar dan mengurangkan tekanan akademik yang berlebihan. Galakan positif, seperti memuji usaha dan pencapaian kecil, dapat meningkatkan keyakinan diri remaja serta membantu mereka menangani tekanan mental.

Sekolah adalah tempat utama remaja menghabiskan masa, justeru peranan institusi pendidikan sangat penting. Menyediakan kaunselor yang terlatih dapat membantu pelajar menghadapi tekanan emosi dan akademik. Selain itu, aktiviti fizikal seperti sukan dan seni dapat berfungsi sebagai terapi, membantu remaja menyalurkan emosi secara positif dan mengurangkan tekanan.

Masyarakat memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi mengenai

kesihatan mental. Mewujudkan ruang komuniti yang selamat untuk remaja berkongsi masalah memberi sokongan sosial yang sangat diperlukan. Media juga mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan isu kesihatan mental dengan etika, mengutamakan pendidikan dan pemahaman, bukan sekadar sensasi.

Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) boleh memainkan peranan proaktif dalam menyediakan perkhidmatan sokongan mesra remaja. Hotline bantuan, pusat rawatan dan kaunseling perlu mudah diakses oleh golongan muda. Polisi kesihatan mental harus dipandang sama penting dengan kesihatan fizikal dan kempen kesedaran berterusan dapat menggalakkan masyarakat lebih memahami dan prihatin terhadap isu ini.

Akhirnya, remaja juga mempunyai tanggungjawab terhadap kesejahteraan mental mereka. Mengamalkan gaya hidup sihat seperti tidur yang cukup, bersenam, dan pemakanan seimbang dapat mengurangkan risiko tekanan mental. Mereka juga perlu membatasi penggunaan media sosial yang berlebihan, kerana ia boleh menimbulkan rasa cemburu, rendah diri, dan keresahan. Belajar teknik kawalan stres melalui meditasi atau hobi positif serta berani mencari bantuan apabila menghadapi tekanan adalah langkah-langkah penting untuk membina ketahanan mental.

Penutup

Kesihatan mental remaja adalah isu serius yang berpunca daripada pelbagai faktor seperti tekanan akademik, pengaruh media sosial, dan kurangnya sokongan emosi. Semua pihak keluarga, sekolah, masyarakat, kerajaan, dan remaja sendiri perlu bekerjasama untuk mengatasi krisis ini. Kesihatan mental tidak boleh lagi dianggap perkara sampingan kerana remaja hari ini adalah pemimpin masa depan. Jika minda remaja runtuh kerana tekanan, masa depan bangsa turut goyah tetapi jika kita melindungi jiwa mereka, maka lahirilah generasi yang tabah, sihat, dan penuh harapan.

NBD AKAN SERTAI PERTANDINGAN KO-AKADEMIK EWA'25

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah menyelaras penyertaan seramai empat guru dan lapan murid dari Sekolah Rendah Kasat, Sekolah Rendah Kampung Menengah, Sekolah Rendah Lumut dan Sekolah Rendah Amar Pahlawan ke Pertandingan Ko-Akademik sempena Program Kesedaran Alam Sekitar Antarabangsa : Hari E-Waste Sipitang 2025 (eWA'25) yang akan diadakan pada 17 hingga 18 Oktober 2025 di Pekan Sipitang, Sabah, Malaysia.

Hadir di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri untuk mengucapkan selamat bertolak bagi rombongan berkenaan ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), JSS, Kementerian Pendidikan, Awang Md. Danny bin Aimi.

Program selama dua hari ini merupakan aktiviti ko-akademik anjuran Sekolah Kebangsaan Pekan Sipitang, Sabah dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Sabah. Sepanjang program berlangsung, para pelajar akan menyertai Pertandingan Upcycle Waste dan Peragaan Fesyen daripada Bahan Terbuang.

Penganjuran program ini bertujuan untuk menyediakan platform kepada orang ramai, jabatan kerajaan serta syarikat swasta dalam menyertai gerakan aktiviti berteraskan alam sekitar.

Ia juga berperanan menarik minat generasi muda agar lebih inovatif dan kreatif dalam mendekati isu-isu alam sekitar, di samping memupuk semangat persaingan sihat melalui pelbagai aktiviti berbentuk pertandingan.

Selain itu, program ini turut



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Md. Danny bin Aimi, hadir untuk mengucapkan selamat bertolak bagi rombongan berkenaan.

berhasrat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan alam sekitar serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk memelihara bumi melalui amalan guna semula dan kitar semula.

Turut hadir semasa rombongan bertolak ialah pegawai-pegawai dari JSS, Kementerian Pendidikan serta ibu bapa dan ahli keluarga murid.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Belibis Merantau / Itik Duatoh

Nama Binatang : Wandering Whistling Duck

Order : Anseriformes

Nama Tempatan : Belibis Merantau / Itik Duatoh (Dusun)

Kelas Spesies : Bird

Nama Saintifik : Dendrocygna arcuata

IUCN : Least concern

CITES : Apendiks II

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BELIBIS Merantau (Wandering Whistling Duck) merupakan burung yang menarik di kawasan tanah lembap *kitani*. Namun, Belibis Merantau bukan sekadar indah dipandang - kehadirannya penting bagi kestabilan ekosistem tanah lembap.

Belibis Merantau juga dikenali secara tempatan sebagai Itik Duatoh oleh komuniti Dusun atau nama saintifiknya *Dendrocygna arcuata* merupakan burung air yang sering ditemui di kawasan paya, tasik dan sawah padi di seluruh Asia Tenggara, termasuk Brunei Darussalam. Dengan leher panjang, bulu berwarna perang berangan, serta bunyi siulan yang tersendiri ketika terbang yang tidak dapat disalah dengar, burung ini kelihatan anggun dan bersiul lantang di habitatnya. Belibis Merantau selain dari burung yang menarik, ia juga memainkan

peranan penting dalam membantu mengawal keseimbangan persekitaran tanah lembap dengan memakan tumbuhan akuatik, biji benih dan invertebrata kecil. Spesies ini juga sering dilihat berkelompok dalam jumlah besar dan terkenal sebagai perenang cekap serta penerbang hebat yang berpindah antara kawasan untuk mencari makanan dan perlindungan.

Belibis Merantau ialah burung air bersaiz sederhana, mencecah kira-kira 45cm tinggi. Jantan dan betina kelihatan hampir sama, walaupun jantan biasanya sedikit lebih besar. Ia membiak subur di paya air tawar, padang rumput yang dibanjiri, sawah padi, dan kawasan tasik yang cetek. Tempat-tempat sebegini biasanya kaya dengan makanan serta sesuai untuk membina sarang. Belibis Merantau merupakan spesies yang gemar bersosial dan berkumpul dalam kumpulan besar, terutamanya ketika waktu makan dan berehat.

Ketika musim membiak, burung ini membuat sarang di tepi air, tersembunyi di



■ Sumber Foto : BWPC 2022, JPH, Chong Sey Lo dan Asmali bin Asli

antara rumput atau buluh. Betina akan bertelur beberapa biji dalam satu kelompok dan mengeramnya, sementara jantan akan berjaga. Anak-anaknya cepat berdikari - boleh berjalan, berenang, dan mencari makan sendiri sejurus menetas, walaupun masih memerlukan perlindungan dan bimbingan ibu bapa mereka pada peringkat awal kehidupan.

Namun, Belibis Merantau kini berdepan ancaman. Habitat tanah lembap semakin berkurangan akibat pengeringan kawasan paya, pencerobohan pertanian dan juga pencemaran. Di beberapa tempat, pemburuan serta gangguan manusia turut memburukkan keadaan populasi mereka.

Walaupun Belibis Merantau ini belum dianggap terancam di peringkat global, populasinya semakin menurun di beberapa tempat. Sebab itu, usaha memelihara tanah lembap amat penting demi kelangsungan burung ini dan keseimbangan ekosistem kita.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : [forestry.borneo](https://www.instagram.com/forestry.borneo).

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan Kitani...'

GAGAL PATUHI SYARAT PERANCANGAN : SEBUAH SYARIKAT DIDENDA KOMPAUN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Oktober. - Sebuah syarikat telah dikenakan denda kompaun di bawah Peraturan-peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi

Kesalahan), 2018 oleh pihak yang berkuasa kerana telah gagal mematuhi syarat Kebenaran Perancangan iaitu meletakkan dan melonggokkan barang-barang di kawasan letak

kenderaan.

Selain daripada mengubah penggunaan dan mengurangkan jumlah petak letak kenderaan bagi premis perniagaan berkenaan, kegiatan seperti ini juga telah menjejaskan nilai estetik dan kecantikan kawasan-kawasan.

Kesalahan tersebut telah dikenal pasti semasa Operasi Kemas (OPKEMAS) yang dijalankan oleh pihak Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Daerah Brunei dan Muara.

Pihak Autoriti Perancang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan mengingatkan orang ramai khususnya syarikat dan pemilik-pemilik bangunan perniagaan dan industri untuk sentiasa mematuhi undang-undang perancangan bagi memastikan keindahan, kebersihan serta keselamatan kawasan perniagaan dan industri di



OPERASI Kemas (OPKEMAS) yang dijalankan oleh oleh pihak Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Daerah Brunei dan Muara (atas dan kiri).

negara ini.

Sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi

talian Jabatan Perancang Bandar dan Desa menerusi talian +673 8200222.

Ceroboh, curi : Lelaki tempatan dipenjara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Oktober. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun kepada seorang lelaki tempatan berusia 22 tahun selepas mengaku bersalah menceroboh sebuah rumah dan mencuri kereta.

Hakim, Pengiran Hajah Norismayanti binti Pengiran Haji Ismail menjatuhkan hukuman terhadap Muhammad Hasrie bin Abdullah (defendan) selepas mengambil kira pengakuan bersalah defendan dan sabitan terdahulu atas kesalahan

berkaitan harta yang sama.

Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Hanan Haji Erwan mendedahkan bahawa defendan melakukan kesalahan itu pada 29 September.

Defendan telah memasuki sebuah rumah di Seria dan mencuri kunci kereta Suzuki Swift milik salah seorang rakan penghuni kemudian membawa lari kereta tersebut.

Kemudian defendan memandu ke Berek Perumahan untuk mengambil rakan sebelum menuju ke arah pasar raya di Seria. Dalam

perjalanan, mereka mengalami kemalangan di sepanjang Jalan Maulana, Kuala Belait. Insiden itu menyebabkan polis mengesan dan menangkap defendan.

Siasatan mendapati bahawa kereta tersebut telah dihantar ke rumah oleh pemiliknya untuk dibaiki. Mahkamah juga mendengar bahawa defendan mengakui melakukan kedua-dua pencerobohan dan mencuri.

Mahkamah juga menyatakan defendan mempunyai beberapa sabitan lampau di bawah Seksyen 379, 380 dan 451 Kanun Jenayah

kerana kesalahan mencuri dan menceroboh.

Hakim, Pengiran Hajah Norismayanti menyifatkan kes itu sebagai Crime of Opportunity yang berlaku semasa penghuni sedang tidur dan berkata hukuman pencegahan perlu kerana defendan melakukan kesalahan berulang kali.

Bagi pencerobohan rumah dengan niat melakukan curi, defendan dijatuhi hukuman penjara dua tahun lapan bulan manakala pertuduhan curi kenderaan pula dikenakan



Oleh : Rohani
Haji Abdul Hamid

hukuman 12 bulan.

Mahkamah memerintahkan empat bulan hukuman kedua berjalan berturut-turut, keseluruhan hukuman penjara tiga tahun. Hukuman itu berkuat kuasa dari tarikh defendan ditahan reman.



■ Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

DUNIA kraf tangan sentiasa berkembang seiring dengan kreativiti masyarakat yang semakin menghargai hasil seni buatan tangan. Salah satu trend yang semakin mendapat tempat dalam kalangan peminat seni kraf khususnya golongan muda di Negara Brunei Darussalam (NBD), ialah gubahan bunga menggunakan bahan yang dikenali sebagai kawat bulu atau dalam bahasa Inggeris dipanggil *pipe cleaner*.

Gubahan bunga kawat bulu kini menjadi fenomena baharu di media sosial tempatan, terutamanya di platform Instagram dan TikTok. Keunikan tekstur serta warna-warna lembut yang dihasilkan menjadikan ia bukan sahaja menarik sebagai hiasan tetapi juga sesuai dijadikan hadiah bagi pelbagai majlis seperti hari jadi, ulang tahun perkahwinan, majlis konvokesyen dan sebagainya.

Kawat bulu merupakan sejenis dawai nipis yang dilapisi dengan serat lembut seperti baldi. Bahan ini mudah dibentuk dan digubah yang menjadikannya pilihan utama bagi mereka yang ingin mencipta bunga tiruan tanpa perlu menggunakan bahan plastik atau kain. Tambahan pula, penggunaan dawai berbulu lembut dilihat sebagai alternatif mesra alam kerana ia boleh dikitar semula dan tidak memerlukan air atau penyelenggaraan berterusan seperti bunga segar. Penggunaan bahan ini memberi peluang kepada lebih ramai individu termasuk pelajar dan suri rumah

untuk mencuba seni gubahan dengan kos yang rendah.

Gubahan bunga ini juga mencerminkan minat generasi muda terhadap gaya minimalis dan estetik. Warna pastel seperti putih, biru muda dan merah jambu sering digunakan bagi menghasilkan gubahan yang cantik dan menawan. Selain dijadikan perhiasan ruang tamu, bunga jenis ini juga menjadi pilihan popular untuk dijadikan hadiah yang melambangkan ketulusan dan usaha tangan sendiri. Ia bukan sekadar cenderamata tetapi turut mencerminkan sentuhan peribadi si pembuat.

Perkembangan trend ini turut menyumbang kepada peningkatan minat terhadap produk kraf tangan tempatan. Ramai usahawan muda memanfaatkan platform digital untuk memasarkan hasil tangan mereka sekali gus membuka peluang keusahawanan dalam bidang kreatif.

Di NBD, aktiviti seperti ini bukan sahaja dilihat sebagai hobi tetapi juga salah satu usaha untuk memperkukuh ekonomi negara. Beberapa pengusaha turut memperluaskan jualan mereka melalui pameran kraf tangan, bazar tempatan serta jualan dalam talian. Walaupun gubahan bunga kawat bulu ini berasal daripada idea moden, ia juga dapat disesuaikan dengan nilai tradisional masyarakat di negara ini yang menghargai keindahan dan kehalusan seni tangan.

Gubahan bunga kawat bulu semakin diminati



Sebahagian pengusaha tempatan telah mula menggabungkan konsep bunga tradisional seperti bunga telur dalam rekaan moden menggunakan kawat bulu. Gabungan unsur tradisi dan moden ini bukan sahaja memperkayakan reka bentuk tetapi juga membantu mengekalkan warisan seni tempatan dalam bentuk baharu yang lebih digemari oleh generasi masa kini.

Aktiviti menggubah bunga kawat bulu juga memberi manfaat dari segi emosi dan kesihatan mental. Ada penggemar seni yang berpendapat bahawa proses menggubah dapat membantu mereka

menenangkan fikiran, mengurangkan tekanan serta meningkatkan tumpuan dan kemahiran.

Trend gubahan bunga kawat bulu membuktikan bahawa kreativiti tidak mengenal batas. Dengan hanya menggunakan bahan mudah dan murah, hasil yang tercipta mampu menyerlahkan nilai seni yang tinggi. Di samping memperindahkan ruang dan menjadi hadiah bermakna. Seni ini juga memainkan peranan penting dalam memupuk minat terhadap kraf tangan tempatan serta memperkukuh semangat keusahawanan dalam kalangan belia.



ARMADA TENTERA LAUT REPUBLIK RAKYAT CHINA LAWAT THAILAND

BANGKOK, 17 Okt. - Armada tentera laut Republik Rakyat China ke-83 selamat tiba di Pelabuhan Sattahip, Thailand pada Khamis untuk kunjungan persahabatan selama empat hari di negara itu.

Ketibaan armada itu disambut dengan majlis meriah di Pelabuhan Sattahip, yang turut disertai lebih 1,700 orang termasuk Duta Republik Rakyat China ke Thailand Zhang Jianwei, wakil syarikat

Republik Rakyat China, wakil perantau Republik Rakyat China dan masyarakat Cina, serta wakil golongan belia dari kedua-dua negara.

Dalam tempoh lawatan, pegawai dan askar tentera laut Republik Rakyat China akan mengunjungi kapal induk Tentera Diraja Thailand 'Chekri' dan kemudahan

pertahanan lain, serta melawat ke Akademi Angkatan Laut Diraja Thailand.

Selain itu, aktiviti hari terbuka juga akan diadakan di kapal Qi Jiguang dan kapal Yimengshan semasa armada tentera laut Republik Rakyat China itu berlabuh di Pelabuhan Sattahip. - ©BERNAMA

Kemboja tahan 3 lelaki warga China berhubung kematian pelajar Korea Selatan

ISTANBUL, 15 Okt. - Pihak berkuasa Kemboja menahan tiga lelaki warga China atas tuduhan membunuh dan penipuan dalam talian berkaitan kes penculikan, pengeksekusian dan kematian seorang pelajar Korea Selatan selepas terjat dalam sindiket penipuan dalam talian, lapor Anadolu Ajansi memetik akhbar tempatan. Menurut laporan Phnom Penh Post, polis masih memburu dua lagi suspek.

Pejabat pendakwa raya memaklumkan ketiga-tiga lelaki itu didakwa selepas mayat Park Min-ho, 22, ditemukan dalam keadaan dipercayai telah diseksa dan dipukul di dalam sebuah trak pikap di Kemboja pada Ogos. Hasil bedah siasat menunjukkan Park meninggal dunia akibat serangan jantung yang berpunca daripada pengeksekusian itu.

Perkembangan itu didedahkan selepas Pejabat Presiden Korea Selatan pada Selasa mengumumkan bahawa mereka akan menghantar pasukan respons bersama ke Kemboja untuk menangani jenayah yang menyasarkan rakyat Korea

Selatan di tengah - tengah peningkatan kes penipuan pekerjaan susulan kes Park, menurut Agensi Berita Yonhap.

Tindakan itu dibuat selepas Presiden Lee Jae Myung mengarahkan kementerian berkaitan dalam mesyuarat Kabinet supaya menggerakkan "semua sumber yang ada" untuk membantu rakyat Korea Selatan yang diculik di Kemboja akibat sindiket penipuan pekerjaan pulang ke tanah air dengan selamat.

Naib Menteri Luar Kedua Korea Selatan Kim Ji-na dijadualkan mengetuai pasukan itu yang akan berlepas pada Rabu bersama pegawai dari Agensi Polis Negara (NPA) dan Perkhidmatan Risikan Negara, menurut jurucakap presiden Kim Nam-joon.

Ketua Pejabat Siasatan Negara di NPA, Park Sung-joo akan berkoordinasi dengan pihak berkuasa Kemboja mengenai penghantaran pulang warga Korea Selatan yang ditahan dan membincangkan siasatan bersama mengenai kematian pelajar itu.

Mereka yang dihantar pulang juga akan disiasat atas sebarang kemungkinan penglibatan dalam aktiviti jenayah setibanya mereka di tanah air.

Setakat Selasa, 63 warga Korea Selatan ditahan oleh pihak berkuasa Kemboja, kata Kim, sambil menambah bahawa kerajaan akan mengekalkan pendiriannya untuk membawa pulang semua rakyatnya, termasuk mereka yang enggan pulang.

Kedua-dua negara juga akan bekerjasama untuk membanteras jenayah penipuan.

Presiden Lee turut menggesa kerajaan untuk "menggunakan semua sumber yang ada untuk bertindak balas terhadap masalah itu dengan segera, tepat dan tegas".

"Semua kementerian berkaitan perlu mempercepatkan usaha menubuhkan saluran komunikasi tetap antara pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang kedua-dua negara melalui rundingan dengan kerajaan Kemboja," katanya semasa mesyuarat itu. - ©BERNAMA

Parti Presiden Gabon raih majoriti kerusi parlimen

KIGALI (Rwanda), 15 Okt. - Parti Democratic Union of Builders (UDB) yang dipimpin Presiden Gabon Brice Oligui Nguema memenangi 102 daripada 145 kerusi parlimen selepas dua pusingan pilihan raya perundangan negara itu baru-baru ini, menurut keputusan yang disiarkan pada Selasa oleh akhbar kerajaan L'Union, lapor Anadolu Ajansi.

Laporan itu menunjukkan UDB memenangi 50 kerusi semasa pusingan kedua pengundian pada Sabtu, manakala 52 kerusi diperoleh parti berkenaan pada pusingan pertama pengundian pada 27 Sept, mewakili 70 peratus anggota Perhimpunan Kebangsaan.

Menurut keputusan itu, Gabonese Democratic Party (PDG), bekas parti pemerintah yang kini menyokong presiden, memperoleh 16 kerusi (lima kerusi pada pusingan pertama dan 11 pada pusingan kedua).

Parti Rally for the Fatherland and Modernity (RPM) pula memenangi tiga kerusi, manakala National Union (UN) dan Gabonese Social Democrats (SDG) masing-masing mendapat dua kerusi.

Parti - parti kecil lain masing-masing memenangi satu kerusi. Tujuh lagi ahli parlimen dipilih melalui tiket Bebas, manakala empat kerusi masih belum diisi kerana pilihan raya tidak dijalankan di kawasan terbabit pada pusingan pertama, menurut

laporan itu.

Keputusan muktamad akan diumumkan oleh badan pilihan raya dalam beberapa hari akan datang. Kira-kira 900,000 rakyat Gabon layak mengundi dalam pilihan raya perundangan pusingan pertama negara itu, yang pertama sejak rampasan kuasa tentera pada 2023 yang menggulingkan bekas Presiden Ali Bongo.

Pemerhati serantau dari Benin, Guinea, Mauritania dan Togo dalam satu kenyataan bersama pada Isnin berkata pusingan kedua pengundian berlangsung dalam suasana tenang dan aman meskipun kurang mendapat sambutan. Nguema sebelum ini memenangi pilihan raya presiden pada April. - ©BERNAMA

Kemboja tahan hampir 3,500 suspek dalam operasi banteras penipuan dalam talian

HANOI, 17 Okt. - Pasukan Petugas Khas bagi Menangani Jenayah Penipuan Dalam Talian Kemboja berkata pihak berkuasa telah menahan seramai 3,455 individu sejak operasi itu bermula pada 27 Jun, lapor Agensi Berita Viet Nam (VNA).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan pada Rabu (15 Oktober), suspek yang ditahan termasuk warganegara dari 20 buah negara, dengan serbuan menyasarkan 92 lokasi di 18 bandar dan wilayah daripada keseluruhan 25 wilayah negara itu.

Puluhan individu yang didakwa sebagai ketua sindiket telah dihadapkan ke mahkamah untuk pendakwaan, manakala kebanyakan suspek warga asing yang lain sedang dihantar pulang ke negara asal mereka.

Operasi berskala besar itu menandakan langkah yang tidak pernah dilakukan sebelum ini oleh Kemboja untuk melumpuhkan rangkaian penipuan berteknologi tinggi, dengan matlamat memelihara keselamatan awam, ketenteraman dan keselamatan sosial. - ©BERNAMA

Gempa bumi bermagnitud 6.6 landa Drake Passage - USGS

BEIJING, 16 Okt. - Gempa bumi bermagnitud 6.6 menggagalkan Drake Passage pada 0142 GMT Khamis, menurut Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS), lapor Xinhua.

Pusat gempa bumi dengan kedalaman 10.0 kilometer itu pada awalnya ditentukan pada 60.00 darjah latitud selatan dan 61.70 darjah longitud barat. - ©BERNAMA

Myanmar rayu bantuan ASEAN bina semula sekolah, hospital

PHNOM PENH, 15 Okt. - Myanmar merayu kepada ASEAN supaya membantu usaha membina semula sekolah, pusat kesihatan dan hospital di negara itu yang musnah akibat bencana alam dalam tempoh lima tahun lalu.

"Kami memerlukan sokongan anggota ASEAN dan negara-negara lain untuk membina semula sekolah, pusat kesihatan serta hospital kami," kata Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Bencana Myanmar Lai Lai Aye kepada Bernama.

Beliau membuat rayuan itu semasa menghadiri Persidangan Jawatankuasa ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana (ACDM) Ke-47 di Phnom Penh.

Beliau berkata kemudahan awam di wilayah seperti Mandalay, Sagaing, Bago dan Negeri Shan terjejas teruk akibat bencana alam.

"Negara kami telah berdepan begitu banyak bencana dalam lima tahun lepas - Siklon Mocha dan setahun kemudian kami berdepan Siklon Yagi (September 2024), diikuti gempa bumi besar tahun ini. Kerajaan kami sedang giat menjalankan pelbagai usaha pemulihan, namun kami masih memerlukan sumber tambahan," katanya.

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) menegaskan bahawa kanak-kanak terus menjadi kumpulan paling terkesan akibat bencana alam dan konflik sivil di negara itu.

Mereka mempunyai akses yang terhad kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pendidikan serta berdepan ancaman keselamatan.

Sejak 2021, sekitar 30 peratus daripada 3.5 juta penduduk yang kehilangan tempat tinggal tahun ini adalah kanak-kanak, menurut agensi antarabangsa itu.

Pusat Penyelaras Bantuan Kemanusiaan bagi Pengurusan Bencana ASEAN (AHA Centre) melaporkan bahawa Myanmar mengalami sebanyak 87 bencana dalam tempoh lima tahun lepas, termasuk banjir, gempa bumi, tanah runtuh, ribut, kegagalan cerun dan kemalangan industri.

"Negara anggota ASEAN bertindak pantas untuk membantu Myanmar semasa bencana. Namun, kami masih dalam peringkat pemulihan dan kerajaan kami sedang berusaha memulihkan mata pencarian petani, penternak, nelayan serta perusahaan kecil dan sederhana," kata Lai Lai Aye.

Negara Asia Tenggara itu merupakan antara negara yang paling terdedah kepada bencana di rantau ini, termasuk gempa bumi, taufan, kemarau dan banjir.

Episod duka Siklon Nargis pada 2008 yang meragut lebih 80,000 nyawa diikuti Siklon Mocha pada 2023 yang mengorbankan lebih 180,000 orang, terus menghantui negara itu.

Pada Mac tahun ini, gempa bumi kuat berukuran 7.7 magnitud melanda negara itu, mengorbankan hampir 3,700 nyawa. - ©BERNAMA

JPA juara Kejohanan Futsal Postal Cup

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Pos**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Oktober. - Bersempena dengan Sambutan Hari Pos Sedunia 2025, buat julung kalinya Kejohanan Futsal Postal Cup anjuran Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan

dan Infokomunikasi (MTIC) telah berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat

Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Turut hadir, Setiausaha Tetap di MTIC, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di MTIC, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua

jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Sebanyak lapan pasukan menyertai kejohanan berkenaan, dan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.

Pasukan-pasukan berkenaan terdiri dari MTIC; JPP; Jabatan Pengangkutan Darat (JPD); Jabatan Penerbangan Awam (JPA); Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam (BDMD); Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (E-Government National Centre-EGNC); Pihak Berkuasa bagi Teknologi Info-Komunikasi (AITI) dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam(MPABD).

Kejohanan Futsal Postal Cup 5 Orang Sepasukan menyaksikan JPA berjaya menewaskan JPP dengan keputusan 1 - 0 menerusi

jaringan Awang Mohamed Afif Hadi bin Roshidi, sekali gus dinobatkan sebagai juara dan seterusnya merangkul Piala Rebutan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Sementara naib juara dimenangi oleh JPP yang menerima piala iringan, manakala tempat ketiga disandang oleh EGNC yang membawa pulang piala iringan.

Selain itu, turut disampaikan ialah Hadiah Penjaring Terbanyak kepada Awang Safiuddin Shah bin Haji Mahadi, dari JPP; Pemain Terbaik kepada Awang Mohamed Afif Hadi bin Roshidi, dari JPA; dan Goleiro Terbaik diberikan kepada Awang Muhammad Arib bin Haji Umar, dari JPP.

Penganjuran kejohanan berkenaan bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahmi dalam kalangan warga MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Pada masa yang sama, ia diharap dapat menjadi platform untuk menggalakkan gaya hidup sihat, memupuk disiplin serta meningkatkan kecergasan fizikal.

Sukan futsal berkenaan juga merupakan salah satu acara sampingan bersempena dengan Sambutan Hari Pos Sedunia 2025.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bergambar ramai bersama pasukan juara.

NBD TUAN RUMAH TEMASYA ASG KE-14



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Kejohanan ASG Ke-14, Tahun 2025 semasa Sidang Media berkenaan.

■ **Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Khamis, 16 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASEAN Schools Games - ASG) Ke-14, Tahun 2025, yang akan berlangsung bermula 20 hingga 28 November 2025.

Bagi Edisi 2025, ASG akan mempertandingkan sebanyak lapan acara sukan iaitu badminton, bola keranjang, olah raga, renang, bola jaring, pencak silat, sepak takraw dan wushu dengan penyertaan seramai 1,055 atlet-pelajar.

Temasya ASG kali ini menawarkan sebanyak 340 pingat keseluruhan iaitu 106 pingat emas, 106 pingat perak dan 128 pingat gangsa.

Pengumuman rasmi Kejohanan ASG Ke-14, Tahun 2025 ini diumumkan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Kejohanan ASG Ke-14, Tahun 2025, NBD pada Sidang Media yang

berlangsung di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan, di sini.

"Ini merupakan kali kedua NBD diberi penghormatan menjadi tuan rumah selepas edisi terakhir di negara ini pada tahun 2015. Untuk makluman, ASG merupakan temasya sukan tahunan di bawah naungan ASEAN Schools Sports Council (ASSC).

"ASG adalah satu kejohanan sukan untuk memberi peluang kepada atlet muda bukan sahaja untuk mengasah bakat dan kemampuan mereka tetapi juga untuk meraih pengalaman berharga di pentas serantau," ujar Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati.

Majlis diteruskan lagi dengan menyaksikan tayangan video promo ASG14, diikuti dengan sesi penerangan ASG14 oleh Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamat / Mohamad selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Kerja ASG Ke-14 dan diakhiri dengan sesi soal jawab bersama pihak media.

Antara objektif ASG14 adalah menggalakkan perpaduan ASEAN

dalam kalangan belia melalui sukan sekolah, memberi peluang kepada atlet-pelajar sekolah sebagai penanda aras bakat sukan mereka di rantau ASEAN dan memberi peluang kepada atlet-pelajar sekolah untuk berinteraksi dan terlibat dalam pertukaran budaya di ASEAN.

Temasya ASG14 dengan moto rasmi 'Dream, Strive, Achieve' akan menyaksikan penyertaan dari 10 buah negara terdiri dari NBD sebagai tuan rumah kejohanan, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Kemboja, Myanmar dan Republik Sosialis Viet Nam akan berentap pada kejohanan itu nanti.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Mereka Cipta Logo, Maskot dan Lagu Rasmi ASG Ke-14, Tahun 2025 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Pemenang bagi Kategori Mereka Cipta Logo ialah Dayang Nur Uzma Anati binti Haji Ismail, pelajar dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, manakala pemenang bagi Kategori Mereka Cipta Maskot ialah Dayangku Rahimah Amani binti Pengiran Abdul Rahman, pelajar dari Jerudong International School dan pemenang bagi Kategori Mencipta Lagu Rasmi ASG 14 ialah Awang Haji Muhammad Nazreen Hazwan bin Haji Suani, Pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Turut hadir semasa majlis hari ini ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Chin Wei Keh; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Maklumat lanjut mengenai ASG14, boleh didapati melalui Instagram rasmi ASG14 di @14thaseangames.

Kejohanan IFG kukuhkan kerjasama dua hala PPDB, SPF

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Oktober. - Kejohanan Inter-Forces Games (IFG) 2025 antara Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Pasukan Polis Singapura (SPF) telah memperlihatkan semangat kesukanan dan persahabatan yang tinggi antara kedua-dua pasukan.

Kejohanan tahun ini mempertandingkan tiga acara sukan iaitu badminton, tenis dan bola sepak.

Persaingan sengit menyaksikan SPF memenangi acara tenis, manakala PPDB menjuarai acara badminton. Penentuan juara keseluruhan bergantung kepada perlawanan bola sepak yang menjadi kemuncak kejohanan.

Dalam perlawanan tersebut, PPDB berjaya menewaskan SPF dengan jaringan 2 - 1, sekali gus menjuarai Kejohanan IFG 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan tersebut ialah Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin, bersama Timbalan Pesuruhjaya (Dasar) SPF, How Kwang Hwee, serta pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua pasukan.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi kejohanan tahun ini yang melibatkan lebih 80 orang peserta dari kedua-dua pasukan. Delegasi atlet SPF berada di negara ini selama empat hari bermula 13 Oktober 2025, sempena kejohanan tahunan yang telah menjadi tradisi antara PPDB dan SPF.

Penganjuran kejohanan ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan persahabatan erat dan kerjasama dua hala antara PPDB dan SPF, di samping memupuk semangat kesukanan, bertukar pandangan serta memperluas jaringan profesional (*networking*) dalam kalangan anggota polis kedua-dua negara.



SEKITAR Kejohanan Inter-Forces Games (IFG) 2025 antara Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Pasukan Polis Singapura (SPF).



SUKAN BELIA ASIA : PLATFORM PENTING TINGKATKAN POTENSI ATLET MUDA NEGARA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 16 Oktober. - Sukan Belia Asia merupakan satu platform penting yang menghimpunkan para atlet muda dari seluruh benua Asia yang boleh dijadikan batu loncatan bagi atlet remaja kita untuk mempamerkan daya saing yang tidak pernah menyerah kalah semasa pertandingan nanti.

Selain dari memperkasa diri, serta meningkatkan potensi dalam bidang sukan masing-masing di peringkat serantau dan antarabangsa kerana mereka adalah atlet masa depan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD bersabda demikian pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen NBD Ke Sukan Belia Asia Ke-3 2025, Manama, Bahrain berlangsung di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua

Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah juga bersabda untuk mengingatkan semua pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih sukan di negara ini untuk sentiasa memastikan dan menjaga keselamatan atlet-atlet kita daripada sebarang gangguan dan penderaan, seperti matlamat Mailis Olimpik Asia (OCA) dalam mempromosikan dasar dan inisiatif perlindungan atlet (*safeguarding athlete*), seperti Rangka Kerja (Framework) Komite Olimpik Antarabangsa (IOC) dalam menjaga Perlindungan Atlet.

"Manakala bagi atlet-atlet kita, *abiskita* jangan takut untuk bersuara dan membuat aduan dalam mendapatkan bantuan

sekiranya *abiskita* merasakan yang *abiskita* mendapat sebarang gangguan dan penderaan, kerana ini adalah hak *abiskita*," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Terdahulu, Duli Yang Teramat Mulia turut bersabda untuk mengingatkan atlet-atlet dan pegawai-pegawai kontinjen negara untuk membawa nama baik NBD sebagai satu penghormatan yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab dan disiplin yang tinggi, selain daripada menjauhkan dari bahan-bahan terlarang, serta mematuhi, akta dan peraturan Anti-Doping, yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD berkenan bersabda pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen NBD Ke Sukan Belia Asia Ke-3 2025, Manama, Bahrain.

Penyerahan Bendera NBD bagi kontinjen Sukan Belia Asia, Bahrain

BERAKAS, Khamis, 16 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Belia Asia Ke-3 2025, Manama, Bahrain yang akan berlangsung secara rasminya pada 22 hingga 31 Oktober 2025.

Kontinjen NBD dianggotai seramai 11 orang terdiri daripada lima orang atlet dan enam orang pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Safeguarding / Pegawai Urus Setia, Pengurus dan Jurulatih.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen NBD ke Sukan Belia Asia Ke-3 2025, Manama, Bahrain berlangsung pagi tadi di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Berangkat bagi menyempurnakan majlis berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Matassan bin Haji Tahir dan diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Pembangunan dan Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda dalam ucapannya menjelaskan Sukan Belia Asia bukan sekadar satu pertandingan, ia juga adalah medan para atlet mengukir nama, membina semangat juang, dan memperkukuh nilai-nilai murni.

"Saya ingin menyarankan agar semua ahli kontinjen dapat menjaga disiplin dan tingkah laku sepanjang berada di sana. Sentiasa memberikan kerjasama kepada semua pihak dan yang paling penting adalah hindari dan jauhi diri daripada mengambil barang-barang atau ubat-ubatan yang terlarang yang boleh mengakibatkan atlet dikeluarkan atau digantung daripada bertanding sehingga mencemarkan nama baik negara," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat kemudiannya menerangkan Majlis Penyerahan Bendera NBD kepada ketua kontinjen yang diadakan berkenaan adalah sebagai simbol rasmi pengiktirafan dan amanah yang diberikan kepada kontinjen negara untuk membawa nama NBD ke pentas Sukan Belia Asia 2025.

Kemuncak majlis ialah sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan seterusnya penyerahan bendera NBD oleh Duli Yang Teramat

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD berkenan menyerahkan bendera NBD kepada Dayang Noorfairuzah Hani binti Haji Mohamad @ Haji Zaini selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Asia Ke-3 2025, Manama, Bahrain.

Mulia kepada Dayang Noorfairuzah Hani binti Haji Mohamad @ Haji Zaini selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Asia Ke-3 2025, Manama, Bahrain.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Matassan dan diselenggarakan dengan bergambar ramai bersama Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD.

Edisi Sukan Belia Asia kali ini, NBD akan menyertai sebanyak dua acara sukan iaitu akuatik renang dan golf.

Tahun ini merupakan penyertaan negara kali ke-3 pada Sukan Belia Asia dan penyertaan terakhir NBD ialah pada tahun 2013 di Sukan Belia Asia Ke-2, Nanjing, China.



Juga hadir, Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan, Persatuan-Satuan Sukan Kebangsaan,

dan pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta para ibu bapa dan penjaga atlet.

Tahukah Awda

MUZIUM Maritim Brunei Darussalam terletak di Kota Batu, dan merupakan repositori sejarah maritim yang mengandungi peninggalan artifak dan pertukangan maritim dari berbagai era. Ia dibangunkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dengan peruntukan BND5 juta di atas tanah seluas 3.53 hektar (8.74 ekar). Reka bentuk bangunan Muzium Maritim Brunei Darussalam adalah berkonsepkan sebuah kapal, dari pandangan depan, bersesuaian dengan penglibatan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat perdagangan yang masyhur pada zaman dahulu.

SUMBER : <http://www.museums.gov.bn/>

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA MERENDAHKAN DIRI, SUBURKAN SIFAT TAWADUK DALAM DIRI